



LAPORAN TAHUNAN

RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM

2013

**AKRAB MENDOKONG TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN AWAM**



Bahagian Pengurusan Psikologi
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA	3
KATA ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI	5
SELAYANG PANDANG	7
PENGENALAN AKRAB	9
MAKLUMAT KORPORAT AKRAB	10
STATISTIK AKRAB MENGIKUT KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI	13
SENARAI PEMENANG ANUGERAH AKRAB UTAMA & AKRAB GEMILANG (TAHUN 2006-2012)	19
AKTIVITI DAN PROGRAM AKRAB	20
LAPORAN PERINGKAT KEMENTERIAN	22
JABATAN PERDANA MENTERI	23
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	27
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	31
KEMENTERIAN PERTAHANAN	35
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN	39
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	41
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	43
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	47
KEMENTERIAN LUAR NEGERI	51
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH	55
KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN & KOMODITI	59
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	63

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	67
KEMENTERIAN PELANCONGAN	71
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI	77
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU & AIR	83
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	87
KEMENTERIAN DALAM NEGERI	91
KEMENTERIAN KEWANGAN	95
KEMENTERIAN KERJA RAYA	103
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	109
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR	113
RISDA	119



BERKHIDMAT MEMBIMBING



Perutusan

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Tahniah diucapkan kepada Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam di atas inisiatif dan usaha mengumpul aktiviti-aktiviti AKRAB bagi dijadikan Laporan Tahunan.

Kewujudan AKRAB dalam perkhidmatan awam kini telah menjangkau usia sembilan tahun. Besar harapan saya agar aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh ahli-ahli AKRAB dapat diperluaskan dan diteruskan pada masa-masa akan datang. AKRAB hendaklah menunjukkan keupayaan serta kebolehan untuk mencipta satu inovasi dan kelainan dalam membimbing rakan sekerja serta bergiat aktif dalam kelompok AKRAB di peringkat Jabatan dan Organisasi Kebangsaan. Sekiranya peranan AKRAB dapat dioptimumkan, ia akan mampu menjadi nadi ataupun agen penggerak kepada pelaksanaan transformasi dalam perkhidmatan awam.

Program AKRAB juga perlu disokong dengan penglibatan belia 1M4U (1Malaysia For Youth) dan berusaha untuk mewujudkan satu platform bagi belia untuk menjalankan aktiviti sukarela. Justeru, ahli AKRAB dengan adanya penglibatan 1M4U dapat membina modal insan melalui pengamalan budaya bantu-membantu yakni membantu diri dan bantu orang lain dengan berteraskan semangat setiakawan dan semangat kesukarelaan.

Harapan saya bilangan keahlian Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam yang ditauliahkan pada setiap tahun, AKRAB mampu memberikan sumbangan dan impak yang besar terutama dalam membantu pihak pengurusan sumber manusia meningkatkan pembangunan modal insan yang berdaya saing di agensi masing-masing.

BERKHIDMAT MEMBIMBING

Selamat Maju Jaya.

TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL



BERKHIDMAT MEMBIMBING



Kata Alu-Aluan
Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, Bahagian Pengurusan Psikologi telah dapat menyediakan Laporan Tahunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Tahun 2013.

Laporan ini merupakan koleksi aktiviti atau program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 oleh ahli-ahli AKRAB di kementerian dan jabatan. Tujuan Laporan Tahunan AKRAB adalah untuk memantau aktiviti-aktiviti AKRAB yang dijalankan di kementerian dan jabatan sepanjang tahun. Dengan adanya pemantauan ini, pelaksanaan dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan dapat diselaraskan. Pada keseluruhannya, kementerian dan jabatan telah menunjukkan penglibatan yang aktif dalam AKRAB.

Justeru, ahli AKRAB perlu menghayati roh dan falsafah AKRAB, iaitu membina modal insan melalui pengamalan budaya bantu-membantu dengan berteraskan semangat setiakawan bagi melahirkan lebih ramai penjawat awam yang berprestasi tinggi. Setiap Rakan Pembimbing diharapkan agar dapat memainkan peranan yang aktif dalam membantu mencipta suasana tempat kerja kondusif dan harmoni serta dikenali oleh warga organisasi di mana mereka bertugas.

Bagi memastikan kecemerlangan Rakan Pembimbing dalam membantu jabatan dan pihak kerajaan khususnya dalam agenda transformasi dasar-dasar kerajaan, adalah diharapkan agar Ketua Jabatan, Pengurus Sumber Manusia, Pegawai Psikologi serta ahli-ahli Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK) khususnya Rakan Pembimbing dapat bekerjasama dan haruslah memainkan peranan secara proaktif.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua ahli AKRAB sekalian.

DR. ABD. HALIM BIN MOHD HUSSIN



BERKHIDMAT MEMBIMBING

AKRAB *SELAYANG PANDANG*

Pendekatan Pengurusan sumber manusia hendaklah seiring dengan dasar-dasar kerajaan yang sentiasa mengutamakan rakyat dan melahirkan warga kerja perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi. Pengurusan sumber manusia yang kompeten merupakan salah satu teras dalam misi nasional. Penekanan kepada transformasi untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara. Penekanan terhadap usaha meningkatkan pengetahuan, kreativiti dan inovasi sumber manusia akan menjadi pemangkin kepada budaya kerja berprestasi tinggi.

Bagi mencapai hasrat kerajaan, pendekatan baru dalam mengurus modal insan seperti penerapan aplikasi psikologi merupakan satu langkah yang tepat dalam menjana modal insan secara lebih menyeluruh. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam, aplikasi psikologi dalam intervensi melalui Program Pengupayaan Kendiri (PPK) merupakan satu kaedah dalam mengurus sumber manusia bagi mempertingkatkan kecemerlangan diri pegawai terutamanya bagi pegawai yang termasuk dalam kategori yang berprestasi rendah dan bermasalah. Selain itu juga program pengupayaan kendiri juga memberikan fokus kepada melonjakan perkembangan dan pemantapan diri terutamanya dari segi kepimpinan pegawai. Aspek penilaian, bimbingan, khidmat nasihat, sokongan dan penambahbaikan kepada pegawai itu sendiri.

Justeru itu, sesuai dengan hasrat pihak kerajaan melaksanakan transformasi kepada pengurusan sumber manusia, empat program utama telah digabungkan menjadi program Pengupayaan Kendiri iaitu, Program Penilaian Pekerja, Program Pementoran, Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dan akhir sekali ialah Program Kaunseling. Keempat-empat program ini berfungsi secara matriks dalam menyelaras dan membantu pegawai untuk membudayakan kerja berprestasi tinggi.

Pelaksanaan Rakan Pembimbing (AKRAB) di kementerian merupakan sokongan kepada aplikasi psikologi dalam intervensi dan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1999 iaitu Panduan Mewujudkan Perkhidmatan Kaunseling di Agensi Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2010 iaitu Panduan Pementoran dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Melalui pekeliling dan surat pekeliling ini setiap kementerian dan jabatan telah menubuhkan unit perkhidmatan kaunseling dan melaksanakan aktiviti pementoran secara formal dan lebih terancang.

BERKHIDMAT MEMBIMBING

Bagi memenuhi keperluan ini, Bahagian Pengurusan Psikologi telah menyediakan 2 tahap modul Program Pra AKRAB untuk digunakan oleh kementerian dan jabatan. Setiap modul berlangsung selama 4 hari. Program ini dijalankan dengan tujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman berhubung fungsi dan peranan kaunseling kepada pegawai perkhidmatan awam. Pegawai yang telah tamat kedua-dua tahap dan lulus penilaian akhir dalam program tersebut, layak dilantik sebagai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau dikenali sebagai AKRAB serta boleh berfungsi sebagai rakan pembimbing dan mentor di kementerian/jabatan masing-masing. Mulai November 2009, selaras dengan dasar kerajaan kepada transformasi, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam telah dijenamakan semula kepada AKRAB sesuai dengan objektif penubuhan dalam perkhidmatan awam.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam

Satu Pengenalan

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai Pembimbing Rakan Sekerja sepetimana yang dikehendaki dalam PP18/2005. Rakan Pembimbing merupakan agen penggerak kepada pelaksanaan budaya kerja kelas pertama dalam perkhidmatan awam. Ia diwujudkan dengan objektif bagi menyediakan medium perantaraan untuk memberi peluang pegawai berfungsi secara efektif dalam usaha membantu Pengurus Sumber Manusia di agensi. Di samping itu, Rakan Pembimbing juga bervisi menjadi penyumbang kepada usaha pembangunan modal insan dalam Pengurusan Sumber Manusia.

AKRAB membawa maksud Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak dan Bestari yang merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada pada seorang rakan pembimbing. Tanpa ciri-ciri tersebut, peranan seseorang dalam menjalankan fungsi rakan pembimbing kurang berkesan. AKRAB juga merupakan penjenamaan semula versi rakan pembimbing, pembimbing rakan sekerja, pegawai khidmat nasihat, pegawai khidmat kaunseling dan pelbagai nama yang merujuk kepada peranan sebagai rakan pembimbing di agensi. Ini bermakna, di dalam perkhidmatan awam, pegawai yang memainkan peranan sebagai rakan pembimbing keseluruhannya akan dikenali sebagai AKRAB.

MAKLUMAT KORPORAT AKRAB

VISI

Menjadikan AKRAB penggerak Budaya Kerja Kelas Pertama dalam organisasi.

MISI

- Melaksanakan aktiviti khidmat membimbang kepada warga organisasi;
- Membantu pegawai yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan dalam kehidupan;
- Berperanan sebagai perantara antara pegawai dengan kaunselor dalam membuat saringan kesesuaian masalah; dan
- Mewujudkan hubungan baik dengan pihak pengurusan sumber manusia di agensi bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti AKRAB

OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan membimbang bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan

MOTTO

BERKHIDMAT MEMBIMBING

FALSAFAH

Sebagai ahli AKRAB, anda perlu sentiasa menghayati falsafah AKRAB iaitu : *“Bantu Diri Untuk Membantu Rakan Lain”*. Dalam usaha membantu rakan, anda mendapat pengetahuan, kemahiran dan pengalaman untuk mempertingkatkan diri dari segi ilmu pengetahuan, tingkah laku, perhubungan, kreativiti dan nilai kepada diri.

PRINSIP

Bersedia dan rela membantu rakan yang memerlukan bantuan tanpa mengira agama, bangsa, kedudukan, perlakuan dan fizikal.

PERANAN

- ◆ Menjadi rakan yang peka kepada perasaan orang lain dan keadaan sekeliling;
- ◆ Memberi sokongan kepada perubahan yang lebih baik;
- ◆ Sumber kepada rakan untuk berkongsi permasalahan; dan
- ◆ Memperkuatkan semangat rakan yang ingin berubah.

ETIKA

- Amanah dan menyimpan rahsia;
- Menerima dan menghormati orang lain;
- Memahami batasan dan keupayaan diri;
- Sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran dari pada pelbagai aspek;
- Melaporkan kepada kaunselor tentang kes yang boleh merosakkan diri dan orang lain;
- Merujuk kes/permasalahan yang rumit kepada pegawai psikologi; dan
- Memahami peraturan dan etika perkhidmatan awam.



KEAHLIAN AKRAB (2005-2013)

AGENSI	TAHUN 2005	TAHUN 2006	TAHUN 2007	TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013	JUMLAH (ORANG)
Kementerian	240	204	113	233	326	477	626	609	476	3304
Jabatan & SUK Negeri	89	188	238	173	291	365	230	784	1133	3491
PBT & Badan Berkanun	35	54	124	144	71	185	277	182	246	1318
JUMLAH	364	446	475	550	689	1027	1133	1575	1855	8113

KEAHLIAN MENGIKUT KEMENTERIAN (2005-2013)

BIL	KEMENTERIAN	TAHUN									JUMLAH
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
1.	Kementerian Perusahaan Perlادangan & Komoditi	13	28	-	-	25	-	-	32	27	125
2.	Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar	53	-	-	5	-	57	65	86	-	266
3.	Kementerian Pendidikan	-	-	21	15	94	50	39	41	32	292
4.	Kementerian Dalam Negeri	57	-	22	23	-	46	26	68	-	242
5.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri , Koperasi & Kepenggunaan	12	-	-	24	24	30	1	23	-	114

KEAHLIAN MENGIKUT KEMENTERIAN (2005-2013)

BIL	KEMENTERIAN	TAHUN									
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH
6.	Kementerian Pertahanan	19	-	35	-	25	43	41	43	43	249
7.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	25	-	-	-	-	28	18	-	20	91
8.	Kementerian Pelancongan & Kebudayaan	25	-	-	-	3		16	-	20	64
9.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	23	24	-	43	29	50	29	60	50	308
10.	Kementerian Belia & Sukan	-	31	-	-	18	38	-	68	31	186
11.	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga & Masyarakat	-	25	-	25	-	-	21	-	27	98
12.	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	-	18	-	-	23	20	26	-	39	126
13.	Kementerian Kewangan	-	18	-	16	16		39	25	-	114
14.	Kementerian Sumber Manusia	-	26	-	14	-	21	-	41	-	102
15.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3	34	-	-	21	-	23	44	86	211
16.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air	-	-	-	-	1	7	14	-	20	42
17.	Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan	3	-	-	28	-	-	24	-	11	66
18.	Kementerian Pengangkutan	-	-	-	16	-	26	28	-	20	80
19.	Kem. Perdagangan Antarabangsa dan Industri	-	-	-	-	8	18	3	22	14	65
20.	Kem. Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar	-	-	-	-	16	-	28	-	-	44
21.	Kementerian Kerja Raya	-	-	-	-	-	19	-	-	14	33
22.	Kementerian Luar Negeri	-	-	35	-	-	20	16	-	17	88
23.	Kementerian Pengajian Tinggi	-	-	-	24	22	-	59	-	-	105
24.	Kementerian Kesihatan	-	-	-	-	-	40	110	57	5	212
25.	Kem. Pembangunan Usahawan & Koperasi	7	-	-	-	-	-	-	-	-	7
JUMLAH		240	204	113	233	326	477	626	609	476	3304

KEAHLIAN MENGIKUT JABATAN & SUK NEGERI
TAHUN (2005-2013)

BIL	JABATAN	TAHUN									JUMLAH
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
1.	Jabatan Perdana Menteri	42	-	28	25	36	49	41	26	34	281
2.	Jabatan Perkhidmatan Awam	45	24	13	27	11	20	21	17	80	258
3.	Jabatan Kastam Diraja	-	75	-	29	114	-	26	53	-	297
4.	Jab.Penilaian Harta	-	-	-	-	22	-	35	-	-	57
5.	Jab.Agama Islam Pahang	2	-	-	-	-	-	-	-	-	2
6.	Jab. Agama Islam S'gor	-	72	-	-	-	27	-	-	-	99
7.	SUK Negeri Sembilan	-	17	16	-	-	24	-	-	42	99
8.	SUK Pulau Pinang	-	-	-	-	27	15	-	24	-	66
9.	SUK Selangor	-	-	-	-	43	29	-	41	28	141
10.	SUK Melaka	-	-	-	-	-	13	-	-	-	13
11.	SUK Pahang	-	-	-	-	-	21	26	-	27	74
12.	Jab.Pengairan dan Saliran	-	-	-	-	17	-	-	-	3	20
13.	Jabatan Kerja Raya Malaysia	-	-	28	-	-	30	-	-	29	87
14.	JKR Selangor	-	-	27	-	-	2	-	-	-	29
15.	JKR Melaka	-	-	-	18	-	-	-	-	-	18
16	JKR Sarawak	-	-	-	-	-	-	-	-	30	30
17	JKR Pahang	-	-	-	28	-	1	-	-	-	29
18	JKR Terengganu	-	-	-	-	-	32	-	-	-	32
19	JKR Perlis	-	-	-	-	-	3	-	-	-	3
20	JKR Perak	-	-	-	-	-	1	-	21	-	22
21	JKR Kelantan	-	-	-	-	-	2	-	-	-	2
23	Jab.Kesihatan	-	-	-	-	-	-	-	34	122	156
24	Jab.Pengangkutan Jalan	-	-	-	-	-	-	-	32	27	59

BIL	JABATAN	TAHUN								2013	JUM.
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012		
25	Jabatan Perikanan Malaysia	-	-	23	-	21	-	-	-	-	44
26	Jabatan Mineral Geosains	-	-	40	-	-	-	-	-	-	40
27	Jabatan Pelajaran	-	-	40	-	-	-	-	45	412	497
28	Jabatan Imigresen	-	-	-	39	-	-	-	32	-	71
29	Jabatan Peguam Negara	-	-	-	-	-	16	-	25	-	41
30	Jabatan Perangkaan	-	-	-	-	-	20	20	-	-	40
31	Jabatan Pendaftaran Negara	-	-	-	-	-	60	-	34	-	94
32	Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM)	-	-	-	7	-	-	-	-	-	7
33	Jabatan Penjara	-	-	-	-	-	-	-	-	13	13
34	Jab. Kesihatan Sarawak	-	-	-	-	-	-	-	18	28	46
35	Jabatan Kehakiman Syariah Selangor	-	-	23	-	-	-	-	-	-	23
36	SUK Negeri Johor	-	-	-	-	-	-	22	68	56	146
37	SUK Negeri Kelantan	-	-	-	-	-	-	39	-	39	78
38	SUK Negeri Terengganu	-	-	-	-	-	-	-	21	-	21
39	SUK Negeri Perak	-	-	-	-	-	-	-	-	44	44
40	Jabatan Bomba dan Penyelamat	-	-	-	-	-	-	-	29	20	49
41	Jabatan Akauntan Negara	-	-	-	-	-	-	-	44	-	44
42	PDRM	-	-	-	-	-	-	-	220	99	319
JUMLAH		89	188	238	173	291	365	230	784	1133	3491

**KEAHLIAN MENGIKUT BADAN BERKANUN
& PIHAK BERKUASA TEMPATAN (2005-2013)**

BIL	BADAN BERKANUN/ PBT	TAHUN									JUM
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012		
1	Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI)	16	-	-	-	10	15	-	-	-	41
2	Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)	19	-	-	-	-	-	-	-	-	19
3	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	-	32	-	-	-	-	-	-	-	32
4	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	-	2	-	-	-	-	-	-	-	2
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	-	-	19	-	-	16	34	-	-	69
6	Majlis Amanah Rakyat	-	-	24	-	-	-	-	-	-	24
7	Majlis Perbandaran Subang Jaya	-	-	21	4	-	-	-	-	-	25
8	Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur	-	-	60	29	42	-	-	67	-	198
9	Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang	-	20	-	-	-	15	-	-	-	35
10	RISDA	-	-	-	25	20	-	29	34	17	125
11	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	-	-	-	29	-	-	-	-	-	29
12	SME Corp. Malaysia	-	-	-	16	-	11	-	-	-	27
13	MATRADE	-	-	-	16	-	-	7	2	-	25
14	Uni. Tun Hussein Onn	-	-	-	25		14	19	23	15	96
15	MAMPU	-	-	-	-	-	15	-	-	-	15
16	FRIM	-	-	-	-	-	-	-	-	14	14
17	Kolej Sains Kesihatan Bersekutu	-	-	-	-	-	-	-	-	26	26
18	Hosp. Sentosa ,S'wak	-	-	-	-	-	-	-	-	19	19
19	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	-	-	-	-	-	-	-	-	26	26

**KEAHLIAN MENGIKUT BADAN BERKANUN
& PIHAK BERKUASA TEMPATAN (2005-2013)**

BIL	BADAN BERKANUN/PBT	TAHUN									JUMLAH
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
20	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)	-	-	-	-	-	13	4	-	-	17
21	Suruhanjaya Perkhidmatan Malaysia (SPA)	-	-	-	-	-	21	-	-	-	21
22	Agensi Kelayakan Malaysia	-	-	-	-	-	19	-	-	-	19
23	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	-	-	-	-	-	24	-	-	-	24
24	Majlis Agama Islam Selangor	-	-	-	-	-	22	-	-	-	22
25	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	-	-	-	-	-	-	29	-	-	29
26	Pejabat Tanah dan Galian Terengganu	-	-	-	-	-	-	10	-	-	10
27	Markas Tentera Laut	-	-	-	-	-	-	27	-	-	27
28	Maktab PDRM	-	-	-	-	-	-	25	-	-	25
29	Uni.Kebangsaan Malaysia (UKM)	-	-	-	-	-	-	24	-	-	24
30	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	-	-	-	-	-	-	21	-	-	21
31	Unit Penyelarasan Pelaksana (ICU)	-	-	-	-	-	-	22	-	-	22
32	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	-	-	-	-	-	-	26	31	28	85
33	Majlis Bandaraya Shah Alam	-	-	-	-	-	-	-	25	-	25
34	Lembaga Hasil Dalam Negeri	-	-	-	-	-	-	-	-	89	89
35	Perkeso	-	-	-	-	-	-	-	-	19	19
36	Ketengah	-	-	-	-	-	-	-	-	15	15
37	Kesedaran	-	-	-	-	-	-	-	-	25	25
38	Agensi Penguatkuasaan Maritim	-	-	-	-	-	-	-	-	43	43
JUMLAH		35	54	124	144	71	185	277	182	246	1318

SENARAI PEMENANG ANUGERAH AKRAB UTAMA DAN AKRAB GEMILANG (2006-2012)

TAHUN 2006

ANUGERAH INDIVIDU

AKRAB UTAMA :
TUAN HAJI GUNAWAN MAHMOOD

ANUGERAH ORGANISASI

AKRAB GEMILANG :
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

TAHUN 2008

ANUGERAH INDIVIDU

AKRAB UTAMA :
TN. SELVADORAI A/L KRISHNASAM
JABATAN KASTAM DIRAJA NEGERI

ANUGERAH ORGANISASI

AKRAB GEMILANG :
JABATAN PERDANA MENTERI

TAHUN 2010

ANUGERAH INDIVIDU

1. **AKRAB UTAMA -**
ENCIK PAUZAN BIN AHMAD
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
2. **AKRAB BESTARI -**
TN. HJ. NORZAINI @ NORZANI
ABDUL RAHMAN
JABATAN PERDANA MENTERI
3. **AKRAB PROAKTIF -**
ENCIK RAHIM BIN MOHAMAD
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

ANUGERAH ORGANISASI

1. **ORG. AKRAB GEMILANG**
SME CORP.MALAYSIA
2. **ORG. AKRAB INOVATIF**
JABATAN KASTAM DIRAJA JOHOR
3. **ORG. AKRAB DINAMIK**
PEJABAT SETIAUSAHA
KERajaan Negeri Selangor

TAHUN 2012

ANUGERAH INDIVIDU

1. **AKRAB UTAMA :**
JOHARI BIN ABD RASHID (JPA)
2. **AKRAB BESTARI :**
ENGR . HJ/ MOHD ANUAR
MUSARDAR BIN YUSOFF (MOA)
3. **AKRAB PROAKTIF :**
HJ.HASNAN BIN EYONG.
(HOSP. UMUM SARAWAK)

AKRAB ORGANISASI

- 1.JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
2. **AKRAB INOVATIF :**
JABATAN PERDANA MENTERI
3. **AKRAB DINAMIK :**
KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA

AKTIVITI/PROGRAM

RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM

Aktiviti yang dilaksanakan oleh Rakan Pembimbing dalam organisasi perlu bersifat komprehensif dengan mengambil kira peningkatan empat kompetensi utama iaitu peribadi, sosial, organisasi dan profesional. Selain itu, aktiviti yang dilaksanakan juga tidak menggunakan kos yang tinggi selain bersifat praktikal dan mudah diterima dan difahami oleh warga organisasi.

Aktiviti tersebut boleh diadakan secara operasi (*operational*) dan perkembangan (*developmental*). Aktiviti operasi AKRAB adalah aktiviti yang diadakan secara berterusan dan tidak memerlukan kos, jumlah masa yang panjang dan input boleh disediakan di kalangan ahli-ahli AKRAB sahaja. Manakala aktiviti perkembangan merupakan aktiviti yang diadakan secara tahunan, menyeluruh, melibatkan jumlah kos yang besar dan memerlukan sumbangan kepakaran dari pihak lain. Antara perbezaan program tersebut adalah seperti berikut:-

CIRI-CIRI	OPERASI (<i>OPERATIONAL</i>)	PERKEMBANGAN (<i>DEVELOPMENTAL</i>)
	<ul style="list-style-type: none">• Berterusan• Kos murah• Kepakaran ahli◆ Masa yang singkat	<ul style="list-style-type: none">• Berkala• Melibatkan kos• Masa yang panjang◆ Kepakaran pihak luar

KOMPETENSI	CONTOH INPUT	KAEDAH
Peribadi	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan Kendiri Memahami personaliti diri dan orang lain Pengurusan emosi diri 	<ul style="list-style-type: none"> Tunjuk Cara Lawatan
Profesional	<ul style="list-style-type: none"> Kemahiran pementoran dan penyeliaan Menyampaikan persembahan Kemahiran kaunseling 	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel Forum Kempen
Sosial	<ul style="list-style-type: none"> Kemahiran komunikasi Kemahiran melayan pelanggan Sentuhan insan Kemantapan keluarga bekerja 	<ul style="list-style-type: none"> Bimbingan Kelompok dan Individu Seminar
Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> Memahami budaya kerja organisasi Tingkah laku warga organisasi Semangat kerja berpasukan 	<ul style="list-style-type: none"> Konvensyen



LAPORAN AKTIVITI AKRAB PERINGKAT KEMENTERIAN DAN JABATAN BAGI TAHUN 2013

BERKHIDMAT MEMBIMBING

JABATAN PERDANA MENTERI



Mesyuarat Rakan Pembimbing JPM dan Pertemuan Bersama Tuan SUB(S) Bil. 1-6/2013

Sebanyak 6 kali mesyuarat dilaksanakan bertujuan membincangkan tentang kes-kes bimbingan dan aktiviti yang dijalankan oleh Rakan Pembimbing, aktiviti-aktiviti semasa yang dirancang oleh AKRAB/JPM. Mesyuarat dan Pertemuan Bersama Tuan SUB(S) diadakan pada 31 Januari 13, 22 Mac 13, 31 Mei 13, 24 Julai 13, 6 September 13 dan 13 Disember 13.

Siri Latihan Dalaman dan Perkongsian Ilmu

Siri Latihan Dalaman dan Perkongsian Ilmu oleh Rakan Pembimbing ini telah dijalankan di setiap akhir Mesyuarat Rakan Pembimbing JPM. Bertujuan mendedahkan kepada ahli AKRAB pelbagai kemahiran, latihan dan Introspek Diri untuk diaplikasikan di tempat kerja dan dalam kehidupan seharian. Contohnya, sesi perkongsian ilmu kajian stress yang dilakukan di Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) JPM pada 31 Mei 13, oleh AKRAB Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkenaan Pengurusan Pegawai Bermasalah dan juga Perbezaan Personaliti pada 24 Julai 13.



Buletin AKRAB JPM

Sebanyak 12 edisi dikeluarkan setiap bulan iaitu Bil.116/Januari 13, Bil.117/Februari 13, Bil.118/Mac 13, Bil.119/April 13, Bil.120/Mei 13, Bil.121/Jun 13, 122/Julai 13, 123/Ogos 13, 123/September 13, 124/Okttober 13, 125/November 13 dan 126/Disember 13. Isi kandungan menyentuh pelbagai topik perbincangan dan maklumat semasa yang terkini. Boleh dilayari di Laman Web jpm.gov.my >klik pautan. Informasi ini juga dikongsi bersama warga JPM.

Wacana Minda AKRAB JPM

Sebanyak 12 video ringkas yang diadaptasikan dari Internet dikeluarkan setiap bulan iaitu pada Januari-Disember 2013 Boleh dilayari di Laman Web jpm.gov.my >klik pautan. Informasi ini juga dikongsi bersama warga JPM.



Lawatan dan Kelompok Bimbingan AKRAB JPM Ke Pusat latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi

Pada 17 Mei 2013 AKRAB JPM telah mengadakan Lawatan ke Pusat latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi. Lawatan ini diadakan bagi membina dan meluaskan jaringan sosial, perkongsian ilmu baru kepada Rakan Pembimbing JPM.



Program Retreat AKRAB JPM 2013

Pada 17 hingga 19 April 2013 AKRAB JPM telah mengadakan Program Retreat yang telah dijalankan di Felda Residence Trolak, Sungai Perak.

Program selama tiga hari itu diisi dengan pelbagai aktiviti yang menarik, seperti *White water Rafting*. Slot bersama pen-ceramah jemputan, *Perfect Mind Resources* untuk kursus "Pemantapan NLP Dalam Kerjaya". Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan tambah nilai Rakan Pembimbing dalam melaksanakan peranan sebagai Rakan Pembimbing di jabatan dengan lebih berkesan.



Lawatan dan Perkongsian Ilmu AKRAB JPM dengan agensi Luar

Untuk tujuan perkongsian ilmu , pengalaman ahli AKRAB JPM bagi melaksanakan program-program serta meluaskan rangkaian kerja di antara kedua-dua pihak, Akrab JPM telah melakukan lawatan kerja ke Jabatan Pendaftaran Negara pada 6 Mac 2013.



BOOTH PSIKOLOGI / AKRAB JPM 2013



Pendekatan ‘out reach’ menyampaikan perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling kepada warga kerja JPM / agensi luar. Selain Pegawai Psikologi , penggerak program adalah Rakan Pembimbing yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang khusus seperti Nuromologi, Urutan dan Refleksiologi. Diadakan pada 11 Januari 13 di Parlimen Malaysia, 13 Mac 13 bertempat di Jabatan Insolvensi Selangor dan 25 – 26 Jun 13 di Kompleks B Jabatan Perdana Menteri.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (PRA AKRAB 1 DAN 2)

PRA AKRAB 1 telah diadakan pada 9-11 April 2013 dan PRA AKRAB 2 pada 20-22 Ogos 2013. Seramai lebih kurang 40 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai Gred jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan telah terlibat.



Simposium Psikologi Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan Malaysia

Penjenamaan semula program Konvensyen Rakan Pembimbing JPM. Dijalankan secara anjuran bersama dengan tujuan untuk implemen ‘Blue Ocean Strategy’. Program secara kerjasama dengan AKRAB dengan kementerian/agensi luar. Dilaksanakan pada 3 Oktober 2013 bertempat di Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya. Jemputan seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi dan kementerian dalam Perkhidmatan Awam.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PROGRAM KEJURULATIHAN TOT AKRAB JPA BAGI PEGAWAI JPA TA-HUN 2013

Ianya diadakan pada 19 hingga 21 Februari 2013 di Hotel Klana Beach Resort, Port Dickson yang telah disertai seramai 40 orang ahli AKRAB JPA. Program ini adalah bertujuan untuk :

- Menjadikan Trainer Agen Transformasi yang efektif / berimpak tinggi
- Memahami keperluan menjadikan sesi latihan yang menghasilkan komitmen kepada para peserta untuk mempratikkannya.
- Belajar menggunakan sistem landskap bagi memastikan sistem pembelajaran mudah dan juga membantu peserta untuk tidak stress.
- Belajar teknik memasukkan skrip komitmen dalam modul kursus supaya, peserta mengambil tindakan untuk berubah selepas kursus berakhir.
- Belajar menghasilkan cara memberi maklum balas yang memberi semangat kepada peserta untuk berusaha meningkatkan diri.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 1 BAGI PEGAWAI JPA 2013

Ianya diadakan pada 19 hingga 21 Mac 2013 di Summit Hotel USJ Subang Jaya, Selangor. Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai dari kumpulan pengurusan dan professional dan kumpulan sokongan mengenai pengetahuan asas kaunseling dalam perkhidmatan awam.

PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 2 BAGI PEGAWAI JPA 2013

Program ini telah diadakan pada 4 hingga 6 Jun 2013 di Grand Sentosa Hotel, Johor Bahru, Johor dan ianya diadakan sebagai kesinambungan Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Asas dan Pertengahan. Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai mengenai pengetahuan asas dan model dalam kaunseling dan pengendalian pegawai bermasalah dengan lebih baik.



MAJLIS HARI RAYA AKRAB JPA RIANG RIA RAYA AKRAB JPA TAHUN 2013

Majlis ini telah diadakan pada 6 September 2013 di Ruang Legar Makswip, Aras 7 JPA Putrajaya. Majlis ini diadakan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri bagi ahli-ahli AKRAB JPA dan merapatkan lagi silaturrahim antara ahli-ahli AKRAB JPA.



PROGRAM SENTUHAN KASIH

Program ini telah diadakan pada 17 hingga 18 September di Melaka. Ianya telah disertai seramai 35 orang peserta yang terdiri dari ahli AKRAB JPA. Objektif program ini adalah untuk :

Mendekatkan diri ahli AKRAB dengan masyarakat yang kurang benasib baik; dan

Mengeratkan hubungan ahli AKRAB dengan pegawai Awam Persekutuan yang lain.

Disepanjang program ini, aktiviti yang dijalankan adalah Kunjungan Ke Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka, kunjungan ke Sekolah Harapan Jasin, Melaka dan menyampaikan sumbangan kepada lima buah rumah orang-orang miskin di Kg Pantai Rombang, Tanjung Keling Melaka.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PROGRAM PASCA AKRAB TRAINING ON TRAINERS (TOT) RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

Program ini telah dilaksanakan pada 19 Jun 2013 bertempat di Dewan Seminar, Aras 1, BPsk, KPM. Seramai 12 orang Ahli AKRAB, BPsk yang berketrampilan telah dipilih untuk menyertai program ini. Program ini bertujuan melatih Ahli AKRAB BPsk, KPM supaya mampu mengendalikan kelompok bimbingan dan berkongsi ilmu pengetahuan berkaitan psikologi dan kaunseling. Mereka merupakan fasilitator LDK dalam Program Jelajah Psikososial Zon Timur, Bahagian Psikologi Dan Kaunseling KPM yang dijalankan pada 1 hingga 4 Julai 2013.



KURSUS PASCA AKRAB BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING EXPLORACE SEMPENA KARNIVAL PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

Program ini diadakan pada 3 September 2013/18 26-27 Syawal 1434H di Parcel E, Putrajaya. Program ini anjuran Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, KPM. Program ini disertai oleh Ahli AKRAB dari Bahagian-bahagian di KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri. Semua ahli AKRAB BPsk terlibat memberi komitmen dan kerjasama yang baik semasa program. Syabas dan tahniah!.



KURSUS PASCA AKRAB BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING MAJLIS GOTONG ROYONG MEMASAK BUBUR LAMBOK SEMPENA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK

Program ini diadakan pada 18 Julai 2013/18 Ramadhan 1434H di Dewan Seminar Aras 1, BPsk. Program ini anjuran Kelab BPsk bersama Jawatankuasa AKRAB BPsk, KPM. Semua Ahli AKRAB BPsk terlibat secara aktif sebagai Jawatankuasa Program dengan dibantu oleh warga BPsk yang lain. Program ini bertujuan melahirkan semangat kekitaan dalam kalangan warga BPsk di samping dapat menerapkan nilai menyumbang, khususnya dalam kalangan warga BPsk dan juga kepada masyarakat amnya.



PROGRAM PASCA AKRAB DI RUMAH PENGASIH DAN ANJUNG SINGGAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

Program ini telah diadakan pada 20-21 Jun 2013 bertempat di Hotel Star Point, Masjid India, K.Lumpur. Ianya bertujuan memupuk sikap dan nilai fleksibeliti dalam kalangan ahli AKRAB JPN Selangor di samping memberi pendedahan kepada tentang kemahiran untuk berhadapan golongan-golongan yang kurang bernasib baik. Semoga program seperti ini dapat diteruskan di masa akan datang. Syabas AKRAB JPN Selangor! Teruskan menyumbang kepada yang memerlukan. "Hulur Tangan Bantu Yang Memerlu-



KURSUS AKRAB TAHP 2 IPG KAMPUS ILMU KHAS DAN IPG KAMPUS (P) MELAYU MELAKA

Program ini diadakan pada 20-22 Ogos 2013/13-15 Syawal 1434H di IPG Kampus Ilmu Khas K. Lumpur. Semua peserta memberi focus terhadap input yang disampaikan. Tahniah kepada semua peserta kerana berjaya menduduki ujian AKRAB.





BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN PERTAHANAN

PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 1

Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 1 tahun 2013 telah dilaksanakan pada 4 Mac 2013 hingga 8 Mac 2013. Program ini diadakan di Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik Pahang yang melibatkan seramai 43 orang penjawat awam MinDef. Program ini bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan, Kemahiran Kaunseling, pendedahan kepada peserta berhubung manusia dan permasalahannya serta pendedahan kepada asas-asas teori kaunseling dan aplikasi psikologi sebagai asas untuk menjadi rakan pembimbing yang berkualiber.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 2

Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling bagi tahun 2013 telah dilaksanakan pada 8 April 2013 hingga 12 April 2013. Program ini diadakan di Langkasuka Hotel, Pulau Langkawi Kedah. Program ini dapat memberi pendedahan berhubung peranan dan fungsi kaunseling dalam perkhidmatan awam di Kementerian Pertahanan.



PROGRAM PASCA AKRAB TAHUN 2013

Program Pasca Akrab Siri 1 bagi tahun 2013 telah dilaksanakan pada 27 Mei 2013 hingga 30 Mei 2013. Program ini dilaksanakan selama 4 hari 3 malam di Hotel Suria Cherating Beach Resort, Pahang . Program ini bertujuan memberi pendedahan berhubung kemahiran altenatif dalam pelaksanaan proses bimbingan. Program ini menekankan aspek penambahan ilmu kepada Ahli Pembimbing Rakan Sekerja (AKRAB) Kementerian Pertahanan. Program ini juga membantu peserta dalam meningkatkan kemahiran mengendalikan sesi bimbingan selaku rakan pembimbing.



PROGRAM JELAJAH PSIKOLOGI MINDEF 2013

Program Jelajah Psikologi MinDef telah dilaksanakan dengan jayanya pada 1 Julai 2013 hingga 5 Julai 2013. Program ini dilancarkan oleh Yang Berbahagia Dato' Jalil bin Marzuki, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Program Jelajah ini akan bermula dari Wisma Pertahanan Kuala Lumpur ke Pangkalan Udara Kuala Lumpur, Kem Syed Sirajuddin, Gemas Negeri Sembilan dan berakhir di Markas 7 Briged Kem Mahkota, Kluang Johor.



Program ini melibatkan seramai 80 orang peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan di Cawangan Pengurusan Psikologi, BPSM selaku urus setia, penjawat-penjawat awam MinDef dari Pangkalan Udara Butterworth dan Kolej Tentera Udara, Alor Setar Kedah, Ahli-ahli KAKEP serta Ahli-ahli AKRAB MinDef. Antara program yang dilaksanakan oleh peserta jelajah ini adalah Kaunseling Kelompok, Program Ramah Mesra Antara Penjawat Awam briged, Aktiviti sukan serta Program Kendiri Unggul dan Klinik Kaunseling.



Program Jelajah Psikologi MinDef 2013 Selaut Kasih, *Setulus Budi, Seikhlas Hati* ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Ianya merupakan manifestasi hubungan yang harmoni yang terjalin antara pihak awam dan tentera serta penjawat-penjawat awam MinDef dari pelbagai latar belakang tempat bertugas. Ianya secara tidak langsung dapat memberi impak yang positif dalam mewujudkan semangat 1 MinDef yang kental dan berbudaya kelas pertama. Program ini juga merupakan satu medium untuk melakukan publisiti berhubung perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling kepada warga organisasi serta dalam masa yang sama dapat mengurangkan persepsi dan stigma negatif penjawat awam terhadap perkhidmatan psikologi dan kaunseling.



PROGRAM KENDIRI UNGGUL DAN KLINIK KAUNSELING

Program Kendiri Unggul Dan Klinik Kaunseling telah dilaksanakan sebanyak 8 siri sehingga akhir bulan Ogos 2013. Program tersebut disertai seramai 100 orang peserta bagi setiap siri. Peserta program ini adalah terdiri daripada penjawat awam Kementerian Pertahanan Sokongan 1 dan 2 mengikut zon atau negeri masing-masing. Program ini juga melibatkan Ahli AKRAB Kementerian Pertahanan yang bertugas mengikut zon atau negeri masing-masing ditugaskan untuk menjadi penceramah dan fasilitator. Program ini diadakan adalah bagi melahirkan suasana mesra dan toleransi serta semangat untuk bertugas dan melaksanakan tugas dengan lebih berkesan kepada rakan sekerja. Berikut adalah senarai Program Kendiri Unggul Dan Klinik Kaunseling yang telah dilaksanakan sehingga bulan Ogos 2013.



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN

Mesyuarat Jawatankuasa AKRAB KPKT

Mesyuarat Jawatankuasa AKRAB KPKT telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 5 Februari 2013, 2 Julai 2013 dan 28 Ogos 2013. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk merancang program yang akan dijalankan, menyelaras program-program AKRAB dan membuat penambahbaikan program AKRAB yang telah dilaksanakan.

Kursus Pra AKRAB Tahap 1 dan 2

Kursus Pra AKRAB Tahap 1 dan 2 telah diadakan pada 3 hingga 5 April 2013 dan 24 hingga 26 Jun 2013 bertempat di Bilik Tanjung, Aras 11, KPKT. Semua peserta yang mengikuti kursus ini adalah mereka yang telah berjaya dalam temuduga pemilihan ahli AKRAB baru KPKT bagi tahun 2013. Temuduga tersebut telah diadakan pada 7 Mac 2013 di Bilik Mesyuarat Akik Hijau, Aras 11, KPKT. Antara ahli panel temuduga tersebut adalah terdiri oleh 2 orang ahli Jawatankuasa AKRAB dan seorang penyelaras AKRAB kementerian. Seramai 15 orang calon yang telah berjaya dalam temuduga tersebut dan layak mengikuti kursus ini.

Program Kendiri Unggul Siri 1/2013

Program Kendiri Unggul Siri 1/2013 peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diadakan pada 25 Februari 2013 bertempat di Dewan Kristal , Aras B 1, KPKT. Unit Pengurusan Psikologi dengan kerjasama Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak (KPAKK) telah melantik ahli Jawatankuasa AKRAB KPKT sebagai urusetia sepanjang program ini berlangsung. Program kali ini melibatkan penyertaan ibu bapa dan anak-anak peserta yang berumur diantara 2 hingga 5 tahun bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan teori dan praktikal yang lebih komprehensif dalam pendidikan awal kanak-kanak dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ibu bapa dalam menjalani aktiviti bersama kanak-kanak.



Hari Psikologi Tahun 2013

Sambutan Hari Psikologi Tahun 2013 telah diadakan pada 29 Ogos 2013 bertempat di Dewan Kristal Aras B1, KPKT. Program ini telah melibatkan seramai 200 jemputan peserta yang terdiri di kalangan warga Kementerian. Ahli AKRAB KPKT bertindak sebagai urusetia program telah bersama-sama membantu Unit Pengurusan Psikologi dalam mengendalikan program tersebut. Tema Sambutan Hari Psikologi Tahun 2013 adalah "Ke Arah Minda, Emosi dan Fizikal Yang Sejahtera".



KEMENTERIAN SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR

**PROGRAM : BENGKEL PEMBANGUNAN RAKAN PEMBIMBING
PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) SIRI 1/ 2013**

**TARIKH : 14 HINGGA 15 MAC 2013
TEMPAT : BILIK MESYUARAT AMBER, ARAS 5, WISMA SUMBER ASLI**

Bengkel Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Siri 1/ 2013 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Amber, Wisma Sumber Asli dengan melibatkan penyertaan seramai 31 ahli AKRAB NRE.

Program ini merupakan latihan lanjutan yang diberikan kepada ahli AKRAB NRE.

Antara pengisian program adalah seperti berikut:

- i. Transformasi AKRAB Satu Cabaran (Wakil Jawatankuasa AKRAB NRE)
- ii. Pengurusan & Pentadbiran Kaunseling (Pegawai Psikologi NRE)
- iii. Psikometrik: Inventori Personaliti Warna & Inventori Personaliti Sidek. (Pegawai Psikologi NRE)
- iv. Aplikasi Pendekatan Rational Behavior Therapy Dalam Pengendalian Kaunseling. (Pegawai Psikologi JPA)
- V. Kajian Kes. (Pegawai Psikologi JPA)

Pelaksanaan program ini dapat meningkatkan kemahiran ahli AKRAB agar lebih berkeyakinan dalam menjalankan sesi bimbingan bagi rakan sekerja.



**PROGRAM : BENGKEL PEMBANGUNAN RAKAN PEMBIMBING
PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) SIRI 2/ 2013**

TARIKH : 10 HINGGA 22 APRIL 2013

TEMPAT : INSTITUT BIODIVERSITI (IBD), BUKIT RENGIT, PAHANG

Bengkel Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Siri 2/ 2013 telah diadakan bertempat di Institut Biodiversiti (IBD), Bukit Rengit, Pahang dengan melibatkan kehadiran seramai 24 ahli AKRAB NRE.

Penganjuran ini merupakan lanjutan Bengkel Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Siri 1/ 2013. Ianya dapat meningkatkan keberkesanan peranan AKRAB di Kementerian dan Jabatan/ Agensi.



MOT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

MESYUARAT PENYELARASAN JAWATANKUASA AKRAB MOT

Mesyuarat Bil. 1 telah diadakan pada 2 Julai 2013 bagi melantik Jawatankuasa AKRAB yang baru dan membincangkan aktiviti-aktiviti AKRAB sepanjang tahun, manakala Mesyuarat Bil. 2 telah diadakan pada 4 September 2013. Antara agenda yang dibincangkan ialah aktiviti yang akan dan telah dijalankan oleh setiap Biro AKRAB dan peman-tapan aktiviti AKRAB di Jabatan dan Agensi.



PROGRAM PEMBANGUNAN RAKAN PEMBIMBING AKRAB TAHAP 1

Kursus Pra AKRAB Tahap 1 telah diadakan pada 26 hingga 29 Mac 2013 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 21 pegawai di Kementerian, Jabatan dan Agensi. Tujuan kursus AKRAB Tahap 1 adalah untuk memberi pendedahan awal kepada peserta berkenaan perkhidmatan kaunseling dan melatih peserta untuk mengendalikan kes-kes ringan yang sesuai dengan keupayaan.





PROGRAM PEMBANGUNAN RAKAN PEMBIMBING AKRAB TAHAP 2

Kursus Pra AKRAB Tahap 2 adalah kesinambungan kursus Tahap 1. Kursus ini bertujuan mendedahkan peserta kemahiran-kemahiran mengendalikan bimbingan individu maupun kelompok, berkeupayaan mengendalikan stress, konflik dan emosi serta menangani pegawai bermasalah dengan baik. Kursus Tahap 2 telah diadakan pada 8 hingga 10 Mei 2013 bertempat di Marina Island Resort Pangkor, Perak. Seramai 20 orang peserta telah berjaya menamatkan kursus ini dan akan ditauliahkan sebagai ahli AKRAB.

PERKONGSIAN ILMU

Kursus Pengurusan Emosi Diri telah diadakan pada 12 hingga 14 Jun 2013 bertempat di A' Famosa Resort, Melaka. Encik Indra Sumantri bin Eddie Mat Senal selaku ahli AKRAB telah diberi peluang untuk mengendalikan slot di dalam kursus yang dianjurkan.



PAMERAN DAN PROMOSI AKRAB

Pameran AKRAB telah diadakan pada 10 Januari 2013 sempena Hari Terbuka Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bertempat di Ruang Legar BPSM. Pada masa yang sama, dapat mempromosikan perkhidmatan bimbingan dan nasihat kepada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi.



INFO DARI AKRAB

Info Dari AKRAB merupakan medium yang disediakan kepada ahli AKRAB untuk melakukauan publisiti berhubung kewujudan AKRAB kepada warga organisasi. Ia adalah sebahagian daripada aktiviti tahunan AKRAB bagi meningkatkan budaya perkongsian ilmu. Info Dari AKRAB akan dikeluarkan melalui e-mel sebulan sekali kepada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi.

INFO DARI AKRAB

SETIAP KALI
ILMU BERTAMBAH
BANYAK,
MAKA AKU BERTAMBAH TAHU
**AKULAH
ORANG
YANG
JAHIL...**

[IMAM SHAFIE]

Dikongsi bersama oleh:
HUR AZMAH ARIFFAH
Rakan Penitentri Perkhidmatan Awam
(AKRAB)
Kementerian Pengangkutan
No. AKRAB A8065212

mOT

"Sesungguhnya sahabat yang soleh itu umpama penjual minyak wangi. Jika kita tidak membeli darinya, tetap kita akan menghidu bau wangi darinya. Sedangkan sahabat yang jahat pula, umpama rukang besi. Walaupun tidak terkena periksa api, tetapi kita merasai bahang panas dan terhidu bau busuk darinya."

(Hadis Riwatay Bukhari & Muslim)

Cikongsi bersama oleh:
Noraini binti Azman
Rakan Penitentri Perkhidmatan Awam
(AKRAB)
Kementerian Pengangkutan
A7022911

PROGRAM BUDDY SYSTEM

Buddy System merupakan konsep rakan membantu rakan yang menyokong kepada prinsip AKRAB yang telah sedia ada. Program ini telah dijalankan bermula Julai hingga Disember 2013. Dalam *buddy system*, ahli AKRAB dan rakan *buddy* akan berhubung dan berkongsi minat yang sama. Kesukarelaan dalam berinteraksi akan menyokong kedua-dua pihak dalam pengamalan budaya bantu-membantu khususnya melalui penerapan nilai-nilai murni oleh pasangan *buddy*. Justeru, AKRAB berperanan ke arah transformasi dalam memberikan perkhidmatan membimbing rakan sekerja.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

PROGRAM TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM X-PRESI PSIKOLOGI (PROGRAM PEMANTAPAN AKRAB)

Program X-Presi Psikologi adalah merupakan program turun padang atau *out reach* oleh Unit Pengurusan Psikologi (UPPs) MOSTI ke Jabatan/Agensi di bawah MOSTI. Sehubungan itu, satu Program Training of Trainer (TOT) bagi melatih ahli AKRAB yang terpilih untuk melaksanakan modul X-Presi Psikologi yang dibangunkan oleh UPPs MOSTI sendiri. Program TOT ini telah diadakan pada 7 Februari 2013. Program ini juga adalah merupakan salah satu kursus pemantapan bagi ahli AKRAB yang terlibat.



5 SIRI PROGRAM X-PRESI PSIKOLOGI

Program X-Presi Psikologi adalah merupakan program *out reach* atau turun padang oleh UPPs MOSTI ke lapan (8) Jabatan/Agensi di bawah MOSTI. Program X-Presi Psikologi yang melibatkan masa satu (1) hari bekerja bertujuan memperkenalkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, MOSTI, memberi input berkaitan psikologi kepada warga kerja Jabatan/Agensi dan melaksanakan program kelompok bimbingan yang dikendalikan oleh ahli AKRAB MOSTI kepada kumpulan sasaran yang dikenalpasti oleh pihak pengurusan di setiap Jabatan/Agensi. Slot Bicara 45 turut diadakan di dalam Program X-Presi Psikologi. Slot Bicara 45 adalah merupakan perkongsian ilmu psikologi dan kaunseling yang disampaikan oleh ahli AKRAB. Sebanyak lima (5) siri Program X-Presi Psikologi telah dilaksanakan iaitu di Pusat Angkasa Negara pada 27 Februari 2013, Pusat Sains Negara pada 14 Mac 2013, Jabatan Standard Malaysia pada 23 April 2013, Agensi Nuklear Malaysia pada 21 Mei 2013 dan Agensi Remote Sensing Malaysia pada 9 Julai 2013.



PROGRAM X-PRESI: KELOMPOK BIMBINGAN

Sebanyak 1 siri Program X-Presi: Kelompok Bimbingan bertemakan Pengurusan Tekanan telah dikendalikan oleh ahli AKRAB MOSTI pada 25 Jun 2013 bertempat di Bilik Latihan, MOSTI. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada peserta tentang kepentingan mengetahui punca-punca tekanan dan menyediakan peserta dengan teknik-teknik pengurusan tekanan yang berkesan. Dua (2) siri Program X-Presi: Kelompok Bimbingan akan dilaksanakan pada 28 Ogos 2013 dan 22 Oktober 2013 di MOSTI.

MESYUARAT AKRAB

Mesyuarat AKRAB telah dilaksanakan pada 4 Februari 2013, 10 Mei 2013 dan 5 Julai 2013 di Bilik Mesyuarat BPSM MOSTI bertujuan membincangkan perkembangan AKRAB MOSTI, aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan dan membuat penambahbaikan ke atas aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan

PROGRAM PRA AKRAB TAHAP PERTAMA

Program Pra AKRAB Tahap Pertama bertujuan membentuk satu pemahaman awal kepada peserta mengenai perkhidmatan kaunseling dan melatih peserta untuk mengendalikan kes-kes ringan yang sesuai dengan kemahiran yang dipelajari. Program Pra AKRAB Tahap Pertama yang dihadiri oleh seramai 38 orang peserta telah dilaksanakan pada 18 hingga 20 April 2013 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Penceramah yang dijemput bagi pengisian program ini adalah Encik Abd Haris Mohd Darudin dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Encik Amran Hassan dan Encik Ahmad Badruddin Abdullah dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

PROGRAM PRA AKRAB TAHAP KEDUA

Program Pra AKRAB Tahap Kedua telah dilaksanakan pada 10 hingga 12 Jun 2013 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Ia bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada kemahiran-kemahiran di dalam membuat strategi rawatan, berkeupayaan di dalam mengendalikan stres, konflik, dan emosi dan boleh menangani isu pegawai bermasalah dengan lebih baik. Seramai 36 orang peserta telah menyempurnakan Program Pra AKRAB Tahap Kedua. Untuk program tahap kedua ini pula, penceramah yang dijemput adalah Encik Amran Hassan dan Puan Naniyati Shuib dari Jabatan Perkhidmatan Awam.



BERKHIDMAT MEMBIMBING



BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

MESYUARAT PENYELARASAN AKRAB

Mesyuarat Penyelarasan AKRAB di Kementerian Luar Negeri telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali bagi tahun 2013. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyelaras dan membincangkan program serta aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan oleh AKRAB Kementerian Luar Negeri.

LAWATAN KE KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF SDN BHD

Lawatan AKRAB Wisma Putra ke Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd. telah dijalankan pada 7 Mac 2013 bertempat di Kompleks Kumpulan Media Karangkraf Sdn Bh., Shah Alam. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman dalam sesi penerbitan dalam kalangan Ahli AKRAB bagi kegunaan penerbitan buku di Kementerian Luar Negeri.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING (PPKK), (Pra-AKRAB) TAHAP 1

Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) Tahap I telah dilaksanakan pada 21-24 Mac 2013 bertempat di Bukit Gambang Resort City, Pahang. Seramai 25 penjawat awam di Kementerian Luar Negeri telah mengikuti program ini dan ianya bertujuan untuk memberi pendedahan tentang peranan dan fungsi kaunseling dalam perkhidmatan awam di samping melatih mereka untuk menjadi seorang Ahli AKRAB yang lebih berkualiti dan berkredibiliti.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING (PPKK), (Pra-AKRAB) TAHAP 1

Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) Tahap I telah dilaksanakan pada 21-24 Mac 2013 bertempat di Bukit Gambang Resort City, Pahang. Seramai 25 penjawat awam di Kementerian Luar Negeri telah mengikuti program ini dan ianya bertujuan untuk memberi pendekahan tentang peranan dan fungsi kaunseling dalam perkhidmatan awam di samping melatih mereka untuk menjadi seorang Ahli AKRAB yang lebih berkualiti dan berkredibiliti.



BENGKEL “EMOTIONAL FREEDOM TECHNIQUES” (EFT) PROGRAM KENDIRI UNGGUL “CORPORATE TOTAL WELLNESS : KESIHATAN DAN KECERGASAN”



Program Kendiri Unggul yang dilaksanakan di Kementerian Luar Negeri adalah bertajuk **“Corporate Total Wellness : Kesihatan dan Kecergasan”** pada 26 April 2013 diadakan di Auditorium WP1, Wisma Putra. Sesi ceramah ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan panduan kepada warga Kementerian mengenai pentingnya kesihatan diri dari segi keseimbangan kesejahteraan emosi, fizikal dan mental serta dapat meningkatkan kualiti warga Kementerian ke arah pembentukkan minda kelas pertama. Selain itu, terdapat juga sesi **Pemeriksaan Kesihatan** seperti pemeriksaan glukosa, *Body Mass Index* (BMI), tekanan darah tinggi dan latihan ringan menggunakan Tridex Band.

PROGRAM KENDIRI UNGGUL “CORPORATE TOTAL WELLNESS : KESIHATAN DAN KECERGASAN”

Program Kendiri Unggul yang dilaksanakan di Kementerian Luar Negeri adalah bertajuk **“Corporate Total Wellness : Kesihatan dan Kecergasan”** pada 26 April 2013 diadakan di Auditorium WP1, Wisma Putra. Sesi ceramah ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan panduan kepada warga Kementerian mengenai pentingnya kesihatan diri dari segi keseimbangan kesejahteraan emosi, fizikal dan mental serta dapat meningkatkan kualiti warga Kementerian ke arah pembentukkan minda kelas pertama. Selain itu, terdapat juga sesi **Pemeriksaan Kesihatan** seperti pemeriksaan glukosa, *Body Mass Index* (BMI), tekanan darah tinggi dan latihan ringan menggunakan Tridex Band.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING (PPKK), (PRA-AKRAB) TAHAP II

Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) Tahap II pula telah diadakan pada 10-12 Mei 2013 bertempat di Hotel Lexis, Port Dickson. Program ini bertujuan untuk memberi maklumat dan kemahiran-kemahiran kaunseling yang diperlukan oleh ahli AKRAB, Kementerian Luar Negeri.



SIMPOSIUM PSIKOLOGI WISMA PUTRA 2013

Simposium Psikologi Wisma Putra 2013 yang julung kali diadakan di Wisma Putra dengan kerjasama AKRAB KLN pada 13 Jun 2013 bertempat di Auditorium WP2, Wisma Putra. Simposium ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penjawat awam mengenai kepentingan kesihatan mental dan emosi di samping meningkatkan kecergasan fizikal dalam memperkasakan modal insan melalui kaedah yang lebih holistik serta mencapai kesejahteraan minda secara maksimum. Antara penceramah-jemputan adalah seperti Encik Kevin Zahri, Dr. Lawrence Walter Ng dan YBhg. Datuk Maznah Hamid.



BULETIN AKRAB KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Buletin **AKRAB Wisma Putra** akan dikeluarkan setiap suku tahun dan Buletin ini akan diedarkan kepada semua ahli AKRAB yang berada di dalam negeri maupun di luar negara melalui email. Edaran ini akan dibuat pada setiap bulan Januari, April, Ogos dan Disember 2013.

AKRAB PRIHATIN BERKHIDMAT MEMBIMBING "ECZEMA SUPPORT GROUP : SHARING SESSION "

"**Eczema Support Group : Sharing Session**" Bil 1/2013 telah diadakan pada 25 Julai 2013 bertempat di Bilik Psikoterapi, WP2. Support Group ini adalah bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan meningkatkan tahap kesedaran mengenai ekzema kepada penjawat awam di Kementerian Luar Negeri di samping berkongsi maklumat atau pengalaman sebagai pengidap atau penjaga kepada mereka yang mempunyai penyakit ekzema.

"CANCER SUPPORT GROUP : SHARING SESSION "

Support Group : Sharing Session, Bil 2/2013 mengenai penyakit kanser telah diadakan pada 8 Oktober 2013 di Bilik Psikoterapi, WP2. Sesi ini adalah bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan meningkatkan tahap kesedaran mengenai penyakit kanser di samping berkongsi pengalaman individu yang melalui proses penerimaan dan perubatan penyakit kanser, menjaga ahli keluarga atau kanser survivor.

.MAJLIS BERBUKA PUASA DI RUMAH ORANG TUA AL-IKHLAS, PUCHONG



Program Majlis Berbuka Puasa Di Rumah Orang Tua Al-Ikhlas telah dianjurkan oleh Biro Kebajikan, Kelab Sukan, dan Kebajikan Wisma Putra dengan kerjasama Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dan Biro Agama, Kementerian Luar Negeri pada 19 Julai 2013 (Jumaat). Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengerat silaturahim dan juga meraikan warga emas sempena menyambut bulan Ramadhan bersama-sama warga emas yang berada di Rumah Orang Tua Al-Ikhlas, Puchong.

LAWATAN KE PUSAT JAGAAN RUMAH ANAK-ANAK YATIM/MISKIN

A.Pusat Jagaan Rumah Anak-Anak Yatim di Taman Baiduri, 2 Ogos 2013



B. Pusat Jagaan Rumah Anak-Anak Yatim di Taman BaiduRumah Anak-Anak Yatim Asnaf As-Solihin, 5 Ogos 2013

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dengan kerjasama Biro Kebajikan, Kelab Sukan, dan Kebajikan Wisma Putra telah menganjurkan program lawatan dan memberi sumbangan ke Pusat Jagaan Rumah Anak-Anak Yatim di Taman Baiduri pada 2 Ogos 2013 dan Rumah Anak-Anak Yatim Asnaf As-Solihin pada 5 Ogos 2013. Tujuan program ini adalah untuk meringankan beban rumah-rumah anak yatim tersebut dengan membawa sedikit keriahan kepada anak-anak yatim bersempena bulan Ramadhan dan juga Hari Raya Aidil Fitri. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk memberi penginsafan kepada penjawat awam mengenai nasib mereka yang kurang kemampuan di bulan mulia tersebut.

 **KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH**



**KLINIK KAUNSELING KEJORA
HOTEL PINETREE, BATU PAHAT, JOHOR
20-21 NOVEMBER 2012**

**KLINIK KAUNSELING RISDA
IBU PEJABAT RISDA, KL
25 SEPTEMBER 2012**



**PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 1 |
HOTEL IMPIAN MORIB, SELANGOR | 21 – 24 MEI 2012**



**KURSUS PEMANTAPAN AKRAB KKLW 2012| BUKIT GAMBANG RESORT CITY,
PAHANG |
22 – 24 JUN 2012**



KLINIK KAUNSELING KEJORA| HOTEL PINETREE, BATU PAHAT, JOHOR | 20 – 21 NOVEMBER 2012

Nama Program : Klinik Kaunseling KKLW bersama KEJORA
Lokasi : Pine Tree Hotel, Batu Pahat
Penceramah : Pegawai Psikologi KKLW
Tarikh : 20 - 21 November 2012



Klinik... Klinik kaunseling merupakan satu pendekatan terbaru Cawangan Pengurusan Psikologi. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KKLW untuk mendekati setiap lapisan anggota KKLW sama ada di kementerian, jabatan mahupun agensi.

Menyedari pentingnya maklumat yang tepat disebarluaskan tentang fungsi cawangan pengurusan psikologi di kementerian, maka pegawai psikologi telah melaksanakan kerja secara turun padang bagi memberi maklumat berkaitan perkhidmatan psikologi kaunseling serta mengeratkan hubungan antara pegawai psikologi dengan anggota agensi.

Program 2 hari ini memberi banyak ruang dan peluang untuk para anggota di agensi mengenal hala tuju diri dan kerjaya mereka, merapatkan hubungan antara pegawai dengan kumpulan sokongan serta menambah ilmu ahli AKRAB KEJORA agar dapat mendekati insan istimewa di tempat masing-masing secara berhemah.



KLINIK KAUNSELING RISDA| IBU PEJABAT RISDA, KL | 25 SEPTEMBER 2012

Nama Program : Klinik Kaunseling KKLW bersama RISDA
Lokasi : Dewan Gemalasari, RISDA
Penceramah : Pegawai Psikologi KKLW
Tarikh : 25 September 2012



Klinik... Klinik kaunseling RISDA merupakan program terkini Cawangan Pengurusan Psikologi. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KKLW bersama dengan Unit Kaunseling Risda bertujuan untuk merapatkan hubungan antara warga RISDA bersama pegawai psikologi KKLW.

Program sehari ini merupakan satu program yang bertujuan memberi maklumat terkini berkaitan dengan perkembangan aktiviti kaunseling dan psikologi di kementerian bersama dengan Akrab RISDA.

Melalui kerjasama yang erat ini aktiviti Akrab RISDA sentiasa diberi suntikan ilmu baru disamping mengasah semula ilmu yang telah di pelajari setelah dilantik sebagai ahli AKRAB. Program ini mendapat respons yang menggalakkan dari peserta yang melihatnya sebagai program yang bukan sahaja merapatkan hubungan tetapi juga membantu anggota RISDA menghilangkan stres.



HARI BEBAS STRES KKLW 2012| DEWAN SERBAGUNA, KKLW |
10-11 DISEMBER 2012



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN & KOMODITI (MPIC)

PROGRAM RETREAT DAN MESYUARAT AKRAB MPIC



Program ini telah diadakan pada 6 – 9 Mac 2013 di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu. Program ini bertujuan untuk memperkuatkan jaringan hubungan antara ahli AKRAB MPIC dan melantik ahli jawatankuasa bagi sesi 2013/2014 serta merancang dan menyusun aktiviti-aktiviti AKRAB sepanjang tahun. Ahli AKRAB juga telah melaksanakan program CSR (Community Social Service) di Taman Sinar Harapan, Kuala Terengganu dan Asrama Rusila, Marang.

BENGKEL PELAN STRATEGIK AKRAB MPIC



Bengkel ini telah diadakan pada 22 – 23 Mei 2013 di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Bengkel ini merupakan platform bagi AKRAB MPIC untuk membangunkan pelan strategik yang mampu memberikan sumbangan bagi mewujudkan anggota perkhidmatan awam yang berketerampilan dan perfikiran positif. Pelan strategik ini juga diharap dapat menjadi panduan kepada ahli AKRAB untuk menggerakkan fungsi dan peranan di atas landasan yang betul.

KURSUS PROFESIONAL FASILITATOR BAGI AHLI-AHLI AKRAB MPIC



Kursus ini telah diadakan pada 3 – 5 Julai 2013 bertempat di Port Dickson Golf & Country Club, Port Dickson. Kursus telah dihadiri oleh seramai 30 orang ahli AKRAB kementerian dan agensi. Kursus ini merupakan salah satu kursus peningkatan kemahiran kepada ahli AKRAB untuk membina kompetensi ahli dalam mengendalikan program dan meningkatkan keupayaan kendiri ahli.

PROGRAM CSR PUSAT BIMBINGAN REMAJA RAUDATUS SAKINAH “WANITA : DIRIMU BEGITU BERHARGA”



Program ini adalah program bersama Unit Agama, AKRAB kementerian dan Puspanita MPIC. Program diadakan di Rumah Perlindungan Raudatus Sakinah, Sg. Buloh, Selangor pada 25 Jun 2013. Program sehari ini diisi dengan slot interaktif bersama Cik Noraida Jamlie, Finalis Rancangan Da’ie:Pendakwah Milenia TV3, Slot Tahsin Solat dan Slot “Bake & Deco”.

BERKHIDMAT MEMBIMBING

CERAMAH KENDIRI UNGGUL SIRI I : “HUMOR AND LAUGHTER THERAPY FOR STRESS MANAGEMENT”



Ceramah telah dilaksanakan pada 20 Februari 2013 di Dewan Serbaguna, Aras G, MPIC. Ceramah disampaikan oleh Dr. Norzah Abd. Ghani dari Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektif ceramah adalah untuk memberikan panduan penggunaan jenaka dan ketawa sebagai teknik mengendalikan stress dengan baik dan berkesan.

KURSUS AKRAB TAHAP 2 (PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSEL-ING – PPKK)



Kursus telah diadakan pada 23 hingga 27 Jun 2013 di Cheringin Resort, Bentong Pahang. Sasaran untuk menambah ahli AKRAB baru di peringkat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMPEN DERMA DARAH MTIB 2013



MTIB dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah menganjurkan Kempen Derma Darah pada 16 April 2013 di Ruang Lobi, Menara PGRM.

Program ini bertujuan untuk membantu Pusat Darah Negara dalam mendapatkan bekalan darah memandangkan penggunaan serta permintaan bekalan darah telah bertambah dari masa kesemasa. Seramai 120 orang telah mendaftar untuk menderma darah termasuk kakitangan-kakitangan agensi/jabatan yang terdapat di Menara PGRM serta orang awam.

MAJLIS BERBUKA PUASA 2013



Bersempena dengan sambutan bulan Ramadhan, MTIB telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa pada 19 Julai 2013 di Dewan Persidangan MTIB, Tingkat 13, Menara PGRM.

Seramai 20 orang anak yatim dijemput ke majlis tersebut bagi meraikan dan memberi sumbangan untuk meringankan bebanan mereka dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) RAKAN PEMBIMBING (AKRAB KWP DAN AKRAB DBKL)

Program berbentuk lawatan ini diadakan pada 23 Januari 2013 (Rabu) di Unit Kebajikan dan Kaunseling, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, DBKL. Objektif program ini adalah untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman antara Rakan Pembimbing KWP dan Rakan Pembimbing DBKL, untuk meningkatkan potensi kendiri serta menjalankan ukhuwah sesama Rakan Pembimbing KWP dan Rakan Pembimbing DBKL (AKRAB).



PENYERTAAN AHLI AKRAB KWP KE PROGRAM ANJURAN AGENSI KERAJAAN

Ahli AKRAB KWP turut menyertai Simposium Psikologi Wisma Putra 2013, Kementerian Luar Negeri pada 13 Jun 2013 (Khamis) di Auditorium WP2, Wisma Putra, KLN dan menghadiri Konvensyen AKRAB Kebangsaan Ke-4 pada 25 Jun 2013 (Selasa) di Dewan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. AKRAB KWP turut mengikuti Seminar Psikologi AKRAB “minda dan hati transformasi diri” Kementerian Belia dan Sukan pada 3 September 2013 (Selasa) di Dewan Serbaguna Podium B, Menara KBS, Putrajaya.



PROGRAM WACANA MINDA SIRI 4: TERAPI BRAIN GYM BERSAMA AKRAB KWP & AKRAB AGENSI

Program ilmiah ini diadakan khas untuk ahli-ahli AKRAB KWP dan AKRAB Agensi seperti DBKL dan Perbadanan Putrajaya. *Brain Gym* adalah teknik terapi dan pergerakan silang otak kanan dan otak kiri. Objektif ceramah berkenaan Terapi *Brain Gym* ini adalah untuk berkongsi pengetahuan dengan AKRAB KWP dan AKRAB Agensi berhubung terapi-terapi bagi kesihatan minda dan membantu merealisasikan hasrat perkhidmatan awam membudayakan persekitaran kerja yang positif dan kondusif.



PROGRAM TAUTAN MESRA KWP BERSAMA ANAK YATIM SHIFA

Program ini telah diadakan pada 7 Julai 2013 (Ahad) di Dewan Serbaguna, Aras Bawah, Menara Usahawan, Putrajaya. Penglibatan ahli AKRAB sebagai fasilitator program berbentuk CSR ini memberi ruang kepada AKRAB untuk sama-sama menyumbang aktiviti amal dan sukarelawan bersama anak-anak yatim Shifa. Selain itu, Program Sukrelawan yang berbentuk santai ini juga membantu menyampaikan hasrat perkhidmatan awam bagi melestari transformasi ke arah kecemerlangan dan keaktifan ahli AKRAB KWP.



MESYUARAT JAWATANKUASA AKRAB DAN KWP DAN AGENSI

Mesyuarat Jawatankuasa AKRAB KWP dan Agensi dijangka akan dilaksanakan pada 26 September 2013 di Bilik Mesyuarat Perdana, Blok 1 Menara Seri Wilayah, KWP. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program yang dilaksanakan Ahli AKRAB sepanjang tahun 2013 dan pelantikan ahli jawatankuasa AKRAB KWP & Agensi Tahun 2013-2015. Melalui mesyuarat ini juga, ahli-ahli AKRAB dapat bertemu dan saling bertukar fikiran menjana idea mengenai perancangan AKRAB pada masa akan datang selain membina jaringan perhubungan sesama ahli AKRAB Kementerian dan Agensi.





BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

Kursus Pra AKRAB Tahap 1

Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan Kursus Pra AKRAB Tahap 1 pada 26 hingga 29 Mac di Klebang Beach Resort, Melaka. Kursus yang disertai oleh 27 orang peserta daripada kementerian dan agensi di bawahnya ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan mengenai pengetahuan asas kaunseling dalam perkhidmatan awam.



Kursus Pra AKRAB Tahap 2

Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan Kursus Pra AKRAB Tahap 2 pada 13 hingga 16 Mei di Hotel Putra, Kuala Lumpur. Kursus ini diadakan sebagai kesinambungan bagi Kursus Pra Akrab Tahap 1 yang lalu dan disertai oleh 27 orang peserta daripada kementerian dan agensi di bawahnya. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai dari kumpulan pengurusan dan professional dan kumpulan sokongan mengenai pengetahuan asas kaunseling dalam perkhidmatan awam.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

Kursus Pasca AKRAB (KPF TOT)

Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan Kursus Pasca Akrab (Kursus Profesional Fasilitator) pada 24 hingga 26 Jun di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang. Kursus Profesional Fasilitator ini dianjurkan khusus untuk Ahli AKRAB, KPWKM sebagai salah satu kemahiran asas fasilitator bagi melatih individu supaya mahir dalam aspek fasilitasi sesebuah program yang dikendalikan. Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan nilai ‘*Super 6 of A Great Facilitator*’ memahami aspek psikologi, sains kemanusiaan dan juga kepentingan menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif sepanjang program. Kursus yang disertai oleh 34 orang ahli Akrab KPWKM ini bertujuan sebagai satu pelantar untuk melatih individu-individu yang mahir dalam aspek fasilitasi sesebuah program akademik, kursus latihan dan majlis-majlis ilmu.



Sesi Terapi Lukisan (*Art Therapy*)

Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan 2 Sesi Terapi Lukisan (*Art Therapy*) kepada ahli Akrab kementerian. Siri 1 diadakan pada 12 Julai 2013 dengan jumlah peserta seramai 10 orang manakala Siri 2 diadakan pada 19 Julai 2013. Sesi terapi ini diadakan di Bilik Latihan BPSM,KPWKM.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN PELANCONGAN

PROGRAM “SEMINAR KELUARGA CEMERLANG” ANJURAN UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Program “Seminar Keluarga Cemerlang” ini adalah merupakan program pertama anjuran Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dengan kerjasama Unit Pengurusan Psikologi KPK. Program ini telah disertai oleh 20 pasangan suami isteri bersama-sama dengan anak-anak yang berumur antara 10-18 tahun ke atas. Program ini berlangsung di Dewan Serbaguna KPK pada 24 hingga 25 November 2012 (Sabtu dan Ahad).



Objektif Program ini ialah memahirkan keluarga dengan kaedah keibubapaan yang mudah, praktikal dan logikal untuk membantu mereka di dalam membesarkan anak-anak dengan lebih berkesan. Selain itu, ia juga bertujuan membantu keluarga untuk memantapkan penghayatan Islam di dalam diri anak-anak supaya mereka dapat membesar dengan berpegang teguh kepada amalan dan cara hidup yang lebih baik.

Program ini juga bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan ahli keluarga mengenai Hukum Pembelajaran dan aplikasinya dalam membina ketahanan diri anak-anak apabila berdepan dengan pengaruh masa kini selain dapat melahirkan keluarga yang hidup dalam suasana kekeluargaan yang penuh dengan kemesraan dan kasih sayang.

Maklumbalas yang diperolehi dari ibu bapa dan anak-anak yang menyertai program ini ialah mereka sangat berpuas hati dan mencadangkan agar program ini diteruskan pada masa akan datang.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 2
ANJURAN UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 2 ini adalah dilaksanakan bagi memenuhi syarat sebelum ditauiyahkan sebagai rakan AKRAB. Program ini merupakan kesinambungan daripada Program Kemahiran Kaunseling Tahap 1 yang telah dilaksanakan pada April 2013 yang lalu. Bagi melancarkan perjalanan program ini, Bahagian Pengurusan Psikologi JPA telah menyenaraikan Puan Nor Watee Binti Rahman daripada Pejabat SUK Melaka dan Puan Zuraini binti Ismail dari Bahagian Pengurusan Psikologi JPA untuk memberikan pengisian di dalam program tersebut.

Program ini telah disertai oleh 20 orang peserta yang terdiri daripada 8 orang dari Kumpulan P&P dan 12 orang dari Kumpulan Sokongan. Program ini berlangsung di Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh Melaka pada tarikh 1 hingga 3 Julai 2013 (Isnin hingga Rabu).

Objektif Program ini ialah memberi pendedahan berhubung peranan dan fungsi Kaunseling dalam Perkhidmatan Awam, memberikan pendedahan kepada peserta berhubung manusia dan permasalahannya, memberi pendedahan kepada asas-asas Teori Kaunseling kepada ahli AKRAB dan seterusnya mendedahkan mereka berhubung kemahiran asas dalam kaunseling







PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 1 ANJURAN UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 1 ini adalah antara program yang dirancang bagi melatih lebih ramai rakan AKRAB KPK. Bagi melancarkan perjalanan program tersebut, penceramah-penceramah jemputan seperti Encik Mohammad Faeez Zakaria dari Bahagian Pengurusan Psikologi JPA, Puan Hazaila Hassan dari Bahagian Khidmat Pengurusan JPA dan Encik Mohd Zulkifli Mohd Nor dari IPD Ipoh dijemput bagi memberikan input.

BERKHIDMAT MEMBIMBING

Diantara objektif Program ini ialah memberi pendedahan berhubung peranan dan fungsi Kaunseling dalam Perkhidmatan Awam, memberikan pendedahan kepada peserta berhubung manusia dan permasalahannya, memberi pendedahan kepada asas-asas Teori Kaunseling kepada ahli AKRAB dan seterusnya mendedahkan mereka berhubung kemahiran asas dalam kaunseling.



BERKHIDMAT MEMBIMBING



BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

RETREAT AKRAB MOA

Program Retreat AKRAB MOA telah dilaksanakan 29 hingga 31 Januari 2013 bertempat di Hotel Sri Malaysia, Melaka Bandaraya Bersejarah. Retreat ini diadakan bertujuan mengkaji dan membentangkan pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) AKRAB MOA bagi tahun 2012 dan menetapkan strategi pencapaian serta merancang aktiviti bagi tahun 2013. Perbincangan adalah berdasarkan KPI yang telah ditetapkan dalam Buku Pelan Strategik AKRAB MOA (2012-2015). Seramai 32 orang peserta telah menghadiri retreat tersebut meliputi Jawatankuasa Induk AKRAB MOA dan juga Pengurus-Pengurus AKRAB Jabatan dan Agensi di bawah MOA. Program ini telah berjalan dengan jayanya dan telah menetapkan strategi-strategi utama bagi memperkasakan peranan AKRAB MOA di kementerian, jabatan dan agensi.



MALAM APRESIASI AKRAB MOA

Malam Apresiasi AKRAB MOA telah dilaksanakan pada 30 Januari 2013 di Hotel Sri Malaysia, Melaka. Majlis istimewa ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada dua orang ahli jawatankuasa AKRAB MOA yang telah bertukar keluar ke kementerian/jabatan lain iaitu Puan Sahida binti Harun yang bertukar ke Jabatan Perdana Menteri dan Puan Siti Fairuz binti Zakaria yang bertukar ke JPS Seremban. Selain itu, majlis ini juga diadakan sebagai penghargaan kepada semua jawatankuasa induk AKRAB MOA yang telah menyumbangkan tenaga dan idea kepada pencapaian AKRAB MOA di sepanjang tahun 2012. Penghargaan istimewa turut disampaikan kepada pemenang Anugerah AKRAB Bestari Tahun 2012 iaitu Tn. Hj. Anuar Musardar bin Yusoff.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING (PPKK) TAHAP 1 & 2

Program PPKK bertujuan memberikan latihan kepada bakal AKRAB MOA telah diadakan pada 11 hingga 14 Mac 2013 (Tahap 1) di Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang Sepang. Manakala tahap 2 telah diadakan pada 21 hingga 23 Mei 2013 di Hotel Selesa Port Dickson. Seramai 86 bakal AKRAB telah mengikuti ke dua-dua kursus ini dengan jayanya dan akan diataulahkan pada tahun 2013.



PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISME (PROFES) AKRAB MOA 2013 siri 1 & 2

PROFES AKRAB MOA dilaksanakan bertujuan untuk memberikan latihan lanjutan berkaitan ilmu psikologi & kaunseling kepada kelompok AKRAB MOA yang akan dilantik sebagai AKRAB Elit MOA. Program PROFES ini dijalankan sebanyak 2 siri iaitu pada 3 & 4 April 2013 di Bilik Tayangan MOA, dan 20 & 21 Mei 2013 di Dewan LKIM, Pulau Meranti Puchong. AKRAB yang telah tamat menjalani kedua-dua siri program ini adalah layak diberi pengiktirafan sebagai AKRAB ELIT MOA. Pengiktiran AKRAB Elit MOA telah diberikan oleh Persatuan Psikologi Perkhidmatan Awam (PSiPA). Seramai 67 orang AKRAB yang terlibat dalam program elit tahun 2013 ini.



SEMINAR AKRAB MOA KALI KE-2 TAHUN 2013

Seminar AKRAB MOA merupakan acara tahunan AKRAB yang berteraskan perkongsian ilmu bagi memantapkan kemahiran AKRAB MOA dalam bidang psikologi terutamanya kaunseling dan bimbingan. Bagi tahun 2013, seminar tersebut telah diadakan pada 4 & 5 Jun 2013 di Institut Latihan KWSP, Bangi. Seramai 200 orang ahli AKRAB MOA yang hadir. Selain seminar ini sebagai acara tahunan, ia juga bertujuan sebagai program yang boleh mengeratkan hubungan sesama ahli di bawah MOA. Tetamu wacana khas pada tahun ini adalah YBhg. Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir, Mantan CEO Proton. Tajuk wacana yang disampaikan adalah bertajuk Membudaya Sentuhan Insan Dalam Perkhidmatan. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Baharom Bin Jani, TKSU (P) MOA. Selain itu juga, turut dilancarkan juga konsep AKRAB MOA merentas sempadan dan penyampaian watikah pertalantikan kepada 67 orang AKRAB Elit MOA.



PENUBUHAN AKRAB ELIT MOA

Bagi memantapkan pelaksanaan aktiviti dan peranan AKRAB di MOA, bermula tahun 2012, Unit Pengurusan Psikologi (PSM) dan AKRAB MOA telah merangka dan melancarkan Pelan Strategik AKRAB MOA (2012-2015), Prosedur Kerja AKRAB MOA, Profil Korporat AKRAB MOA dan kini melancarkan pelaksanaan bimbingan secara komprehensif di kementerian melalui konsep "AKRAB MOA Merentas Sempadan".

Konsep AKRAB MOA Merentas Sempadan telah dipersetujui sebagai salah satu resolusi Retreat AKRAB MOA yang telah diadakan pada 29 hingga 31 Januari 2013 di Melaka. Dalam mesyuarat tersebut, jawatankuasa Induk AKRAB MOA telah menetapkan salah satu strategi meningkatkan kredibiliti dan keberkesanan peranan AKRAB di Kementerian/Jabatan/Agensi adalah dengan mengimplementasikan konsep "AKRAB MOA Merentas Sempadan". Melalui konsep tersebut, penyelaras AKRAB kementerian perlu menuju kelompok pembimbing dan fasilitator elit di kalangan AKRAB MOA yang berpotensi dan aktif mengikut zon di seluruh negara yang dinamakan AKRAB ELIT MOA.

Kelompok AKRAB ini akan menjadi kelompok AKRAB yang keterhadapan membantu dan memberi perkhidmatan membimbing kepada rakan sekerja atau golongan sasaran yang memerlukan di MOA.

Bagi memenuhi hasrat tersebut, beberapa siri program Peningkatan Profesionalisme AKRAB (PROFES) telah dirangka oleh Unit Pengurusan Psikologi MOA bertujuan untuk memantapkan kemahiran membimbing, kefasilitatoran dan pengendalian kelompok.

Seramai 67 orang ahli AKRAB dari kementerian, jabatan dan agensi di bawah MOA telah dicalonkan oleh Ketua Jabatan masing-masing dan telah menghadiri dengan jayanya Program Profesionalisme AKRAB MOA pada 3 dan 4 April 2013 di Wisma Tani dengan kerjasama Persatuan Pegawai Psikologi Perkhidmatan Awam (PSIPA). Seterusnya kesemua AKRAB Elit tersebut diwajibkan menghadiri Kursus Fasilitator Profesional Siri Lanjutan yang telah diadakan pada 20 dan 21 Mei 2013 di Wisma LKIM juga dengan kerjasama Persatuan Pegawai Psikologi Perkhidmatan Awam (PSIPA).



Lawatan Ilmu AKRAB 2013

Program lawatan ilmu AKRAB 2013 telah diadakan pada 3 Julai 2013 ke Jabatan Psikiatri, Hospital Kuala Lumpur. Seramai 20 orang ahli AKRAB MOA terlibat. Program lawatan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada AKRAB berkaitan kes kesihatan mental yang berlaku di Malaysia umumnya dan penjawat awam khususnya. Peserta lawatan juga berpeluang membuat lawatan dan beramah mesra bersama pesakit di wad.



Program Corporate Social Responsibility (CSR) AKRAB MOA

Program CSR AKRAB MOA kali pertama telah diadakan pada 12 & 13 September 2013 di Kolej Pertanian Malaysia (KPM) Bukit Tangga Kedah. Sasaran peserta bagi program ini adalah pelajar naik taraf KPM. Seramai 16 orang AKRAB Zon Utara telah terlibat sebagai Fasilitator yang mana pengisian yang diberikan bertajuk “*sharing is caring*”. Tujuan program ini diadakan adalah sebagai perkongsian pegawai-pegawai MOA dengan pelajar tersebut berkaitan hala tuju serta perancangan masa hadapan dalam bidang pertanian.



BERKHIDMAT MEMBIMBING



BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU & AIR

SUMBANGAN SEMPENA PROGRAM KEMBARA PSIKOLOGI

Tarikh : 20 Februari 2013

Tempat : Loading Bay, KeTTHA

Program ini hasil kerjasama AKRAB KeTTHA dan Unit Psikologi Kaunseling KeTTHA dalam memberikan sumbangan sempena Program Kembara Psikologi Bumi Kenyalang Bersama Masyarakat Miskin, Anak Yatim, Ibu Tunggal, Warga OKU dan Pelajar anjuran Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



PROGRAM SANTAI KELOMPOK 1

Tarikh : 1 Mac 2013

Tempat : Perpustakaan KeTTHA

Sesi santai kelompok ini adalah perkongsian daripada ahli AKRAB yang telah menghadiri kursus atau bengkel dalam mendapat kemahiran baru. Ahli akan berkongsi dengan ahli AKRAB yang lain dan melakukan sesi praktikal bersama-sama

PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 1 BAGI WARGA KEMENTERIAN DAN AGENSI-AGENSI

Tarikh : 2 hingga 4 April 2013

Tempat: Dewan Pameran, Menara Usahawan

Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan mengenai pengetahuan asas konsep bimbingan dalam **Perkhidmatan Awam**



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 2 BAGI WARGA KEMENTERIAN DAN AGENSI-AGENSI

Tarikh : 4 hingga 6 Jun 2013

Tempat : Bilik Latihan, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan

Program ini merupakan kesinambungan Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Asas dan Pertengahan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai mengenai pengetahuan asas dan model dalam kaunseling dan pengendalian pegawai bermasalah dengan lebih baik **dalam perkhidmatan awam**.



PROGRAM PEMANTAPAN AKRAB

Tarikh : 2 Mei 2013

Tempat : Bilik Latihan, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan

Program ini memberikan pendedahan kepada ahli AKRAB berkaitan kemahiran bimbingan perkongsian kes-kes daripada ahli AKRAB KeTTHA.



PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITIES (CSR) SIRI 1/2013

Tarikh : 3 Julai 2013

Tempat : Jabatan Psikiatri, Hospital Kuala Lumpur



Program ini adalah jemputan daripada Unit Pengurusan Psikologi (PSM) dan Jawatankuasa Kebajikan AKRAB, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bertujuan memberi pendidikan kepada ahli AKRAB berkaitan isu kesihatan mental dan mendedahkan situasi sebenar klien yang mengalami masalah mental.

SESI RAMAH MESRA JAMUAN HARI RAYA

Tarikh : 26 Ogos 2013
Tempat : Jabatan Perkhidmatan Pembentungan



BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA AKRAB KBS

Mesyuarat AJK AKRAB Bil.1 telah diadakan pada 18 Februari 2013 dan Mesyuarat AJK AKRAB Bil.2 telah diadakan pada 26 Jun 2013. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan pelaksanaan aktiviti AKRAB KBS. Setiap exco zon telah ditetapkan untuk melaksanakan program berkaitan psikologi dan kaunseling. Ia dilihat dapat memperkasakan lagi peranan ahli AKRAB dalam organisasi.

PROGRAM KENDIRI UNGGUL: KE ARAH KEBAHAGIAAN EMOSI

Program ini dianjurkan bersama AKRAB KBS/IKBN Wakaf Tapai dan telah dijalankan di IKBN Wakaf Tapai, Terengganu pada 27 Februari 2013. Pengisian berbentuk ceramah dan aktiviti yang lebih menekankan cara mengatasi emosi menggunakan teknik LUA (*Law Of Universal Attraction*)



BERKHIDMAT MEMBIMBING

PROGRAM KENDIRI UNGGUL: INSAN YANG GEMILANG LAHIR DARIPADA KENDIRI YANG CEMERLANG

Program Kendiri Unggul siri 2 telah diadakan pada 28 Mac 2013 di Pusat Pemulihan Latihan Perindustrian, Bangi. Program ini anjuran bersama Unit Psikologi KBS, dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat. Seramai 50 orang peserta terlibat dan pengisian berbentuk ceramah, LDK dan aktiviti secara interaktif. Elemen utama yang cuba diketengahkan dalam mewujudkan hubungan harmoni serta jalinan intelektual antara pelbagai agensi dalam perkhidmatan awam.

KURSUS INTERVENSI DINAMIKA KUMPULAN

Kursus ini dijalankan selama 3 hari iaitu bermula pada 9 Ogos hingga 11 Ogos 2013 bertempat di Impian Rimba Resort, Hulu Langat. Peserta kursus ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari Kementerian, Jabatan Belia dan Sukan, Kompleks Belia dan Sukan serta Institut Kemahiran Belia Negara. Kursus ini juga melibatkan ahli AKRAB sebagai co-fasilitator di dalam kelompok. Objektif kursus adalah untuk membina keyakinan diri, memotivasi diri serta meningkatkan prestasi kerja para peserta.



KURSUS PRA AKRAB TAHAP 1 TAHUN 2013

Kursus ini telah diadakan pada 4 hingga 6 Jun 2013 bertempat di Hotel Pearl International Hotel, Kuala Lumpur. Penglibatan peserta seramai 30 orang dari Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) seluruh Malaysia. Peserta pada kali ini merupakan mereka yang bertanggungjawab mengendalikan terapi minda di agensi berkaitan. Kursus Pra AKRAB Tahap 2 akan dilaksanakan pada akhir September 2013



BERKHIDMAT MEMBIMBING

SEMINAR PSIKOLOGI AKRAB : MINDA DAN HATI TRANSFORMASI DIRI

Seminar ini telah diadakan pada 3 September 2013 bertempat di Dewan Serbaguna Podium B, Menara KBS. Seminar ini adalah anjuran Unit Pengurusan Psikologi KBS dengan kerjasama AKRAB-KBS bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kaunseling dan perkongsian ilmu kepada ahli AKRAB. Seminar psiko pendidikan ini menerapkan elemen fizikal dan mental melalui bicara psikologi yang disampaikan oleh pakar dalam bidang fizikal serta art therapy. Aktiviti secara interaktif juga dibuat supaya matlamat dan objektif seminar tercapai. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' TKSU (P) KBS dan telah dihadiri oleh 200 orang peserta dari pelbagai agensi dan kementerian.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

BULAN JANUARI HINGGA JULAI TAHUN 2013

RASIONAL

1 Aspirasi, Wawasan Negara merupakan motto bagi AKRAB KDN dan jabatan/agensi dibawahnya dalam mengenalpasti program/aktiviti yang dilaksanakan selaras dan memenuhi hasrat dan harapan pengurusan tertinggi KDN dan relevan

Dalam konteks sumber manusia, AKRAB KDN menjadi *change agent* dalam usaha membudayakan persekitaran yang mementingkan kualiti kerja

Sehubungan itu, beberapa program/aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan AKRAB KDN dalam meningkatkan kompetensi yang diperlukan seperti berikut.



1.0 Konvensyen AKRAB KDN

Dalam mengiktiraf dan menghargai ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh AKRAB KDN, satu konvensyen AKRAB telah diadakan pada 29 – 31 Januari 2013 yang telah dihadiri seramai 105 orang ahli AKRAB KDN yang terdiri daripada warga KDN dan Jabatan/ Agensi dibawahnya yang telah berlangsung di Hotel DeBaron Hotel, Pulau Langkawi.

Seramai enam (6) orang pembentang kertas kerja telah berkongsi ilmu, kemahiran dan pandangan bertemakan **Pembudayaan Sukarelawan, Pemacu Modal Insan** yang cuba membentuk lanskap baru dan memberi celik akal kepada ahli AKRAB tentang konsep sukarelawan yang ada pada diri AKRAB akan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan membimbang tanpa prejudis dan mematuhi etika sebagai seorang ahli AKRAB. Malah, menjadi sebagai *change agent* di kalangan penjawat awam khasnya warga KDN. Salah seorang pembentang kertas kerja adalah Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA Prof Madya Dr Abdul Halim bin Mohd Hussin.

Impak daripada konvensyen tersebut, dapat memberi celik akal dan kemahiran baru kepada ahli AKRAB KDN dalam menjalankan perkhidmatan membimbang. Malah, ahli AKRAB dapat mengupdate maklumat dan ilmu baru terhadap diri sendiri.



2.0 Suara AKRAB

Konsep *Learning organization* yang berterusan terus dipraktiskan di kalangan ahli AKRAB KDN dan jabatan /agensi di bawahnya yang memberi peluang dan ruang kepada ahli AKRAB KDN berkongsi ilmu, kemahiran, pandangan dan pengalaman sepanjang menjalankan sesi bimbingan. Setakat ini sebanyak 2 siri telah dijalankan iaitu pada 19 Feb 2013 dan 19 Mac 2013. Penceramah adalah di kalangan ahli AKRAB KDN dan Jabatan/agensi dibawahnya.

Impak daripada program tersebut adalah setiap siri dihadiri oleh ahli AKRAB dan warga KDN sendiri dan merupakan platform mempromosikan AKRAB kepada warga KDN. Selain itu, ahli AKRAB dapat berkongsi pengalaman dan ilmu serta melatih ahli AKRAB dalam aspek *public speaking* dan meningkatkan kemahiran komunikasi yang bertul



3.0 AKRAB & Komuniti

Program pasca AKRAB merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh Unit Pembanguna Insan (UPI) dalam memberi pendedahan dan ilmu/kemahiran kepada ahli AKRAB yang telah ditaliahkan sebelum ini. Pada 25 – 26 April 2013, satu program AKRAB & Komuniti telah dijalankan kerjasama bersama Pejabat Parol Taiping. Lawatan ke rumah dan sesi bimbingan telah dijalankan kepada Orang Kena Parol (OKP) dan ahli keluarga OKP. Seramai 20 ahli AKRAB bersama Pegawai Psikologi KDN telah mengikuti program tersebut.

Bermula bulan februari 2013, UPI dan ahli AKRAB KDN juga telah menjalankan program bersama pesakit Klinik C&C Sg Besi, Kuala Lumpur. Program ini akan berjalan setiap hari jumaat.

Impak daripada program tersebut akan melatih ahli AKRAB untuk membudayakan semangat sukarelawan dalam menyumbang tenaga, masa dan kemahiran yang diperlukan oleh pelanggan KDN terutamanya pesakit klinik C&C. Malah, program tersebut memberi satu pengalaman baru kepada klien.



4.0 Kursus Team Dynamic and Personnel Empowerment AKRAB KDN

Usaha mengekalkan dan mengukuhkan silahturahim dan semangat kerja berpasukan di kalangan ahli AKRAB KDN dan jabatan/agensi dibawahnya, satu kursus *Team Dynamic and Personnel Empowerment* AKRAB KDN akan diadakan pada 17 hingga 19 Jun 2013 bertempat di Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat, Selangor. Seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada ahli AKRAB KDN dan jabatan/agensi dibawahnya akan hadir dan dalam menjalankan program teambuilding



5.0 Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 1 & 2

Dalam usaha membangunkan dan mewujudkan modal insan yang berkualiti dan kreatif di kalangan warga KDN, Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 1 & 2 telah dijalankan bagi melantik ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) yang akan dilatih dengan ilmu dan kemahiran berkaitan kaunseling dan psikologi dengan harapan ahli AKRAB KDN akan menjadi contoh dan ikutan melalui konsep *Buddy System* yang dipraktiskan di kalangan ahli AKRAB KDN di tempat mereka bekerja.

Program Peningkatan Kemahiran Kuanseling Tahap 1 telah dijalankan pada 21 hingga 23 Julai 2013 dan dihadiri seramai 39 orang peserta daripada AADK dan Jabatan Penjara Malaysia yang bertempat di Akademi Koreksional, Langkawi. Manakala, Program Peningkatan Kemahiran Kuanseling Tahap 2 telah dijalankan pada 24 hingga 26 Julai 2013 oleh peserta yang sama.

6.0 Program Pembangunan Kendiri (JIM, Johor) Impak daripada Porgram Klinik Kaunseling, Unit Latihan dan Psikologi dan AJK AKRAB Jabatan Imigresen Negeri Johor telah menjemput UPI bagi Program Pembangunan Kendiri di kalangan Pegawai Imigresen Tinggi (PIT) Gred 22 – 26 dan Program pengurusan pegawai bermasalah dan berprestasi rendah sebanyak empat (4) siri dalam memberi pendedahan dan perkongsian ilmu berkaitan kemahiran kaunseling dan psikologi dalam usaha men bentuk budaya kepimpinan unggul dan pekerja yang minda sejahtera dalam kalangan peserta.

Program bermula daripada bulan 6 hingga 8 Mei 2013 (siri 1), 27 hingga 29 Mei 2013 (siri 2), 3 hingga 5 Jun 2013 (siri 3) dan 11 hingga 13 Jun 2013 (siri 4).

7.0 Mesyuarat AKRAB KDN Bil.1 & 2 2013

Pada 31 Januari 2013, mesyuarat AKRAB Bil1/2013 telah diadakan yang dipengerusikan oleh Encik Ismail bin Nasaruddin, Timbalan Ketua Pejabat Parol Cawangan Ipoh, Perak. Pelbagai perkara telah dibangkitkan dan dibincangkan bagi mengenalpasti solusi yang relevan dan memberi manfaat kepada ahli AKRAB KDN.

Pada 19 Jun 2013, mesyuarat AKRAB Bil.2/2013 telah diadakan yang dipengerusikan oleh Encik Wahid bin Sohod Ketua Pejabat Imigresen Cawangan Kajang, Selangor. Pelbagai perkara telah dibangkitkan dan dibincangkan bagi mengenalpasti solusi yang relevan dan memberi manfaat dibincangkan bagi mengenalpasti solusi yang relevan dan memberi manfaat kepada ahli AKRAB KDN.



KESIMPULAN

Kejituhan dan kesepakatan di kalangan AKRAB KDN dan jabatan/agensi di bawahnya dalam melaksanakan program/kursus/aktiviti mengikut keperluan dan kehendak KDN menjadikan AKRAB di KDN lebih proaktif dan kreatif dalam menyampaikan perkhidmatannya dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang dan beriman dalam merealisasikan hasrat kerajaan dan ekspektasi pelanggan yang tinggi setelah pelan transformasi kerajaan dilancarkan oleh Ybhg. Perdana Menteri Malaysia sebelum ini. Sehubungan itu, ahli AKRAB KDN dan Jabatan/agensi dibawahnya menjadi satu *change agent* dalam merealisasikan hasrat tersebut.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Mesyuarat Penyelarasan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Kementerian Kewangan Bil 1/2013

Mesyuarat ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Aras 8, Blok Selatan, Perbadanan Malaysia. Mesyuarat tersebut telah dilaksanakan pada 19 Februari 2013 dan seramai 34 orang telah hadir.



Mesyuarat Gerak Kerja Konvensyen AKRAB dan Hari Psikologi Bil 1/2013, Bil 2/2013 dan Bil 3/2013



Mesyuarat Gerak Kerja Konvensyen AKRAB dan Hari Psikologi telah dilaksanakan sebanyak tiga kali pada 13/3/2013, 2/4/2013 dan 18/4/2013 di Aras 4, Perbendaharaan 2. Seramai 16 orang yang telah hadir ke mesyuarat pada 13/3/2013 tersebut. Manakala, seramai 28 orang yang telah hadir ke mesyuarat yang telah diadakan pada 2/4/2013. Akhir sekali, seramai 18 orang yang telah hadir ke mesyuarat pada 18/4/2013.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

Konvensyen AKRAB dan Hari Psikologi Kementerian Kewangan 2013

Konvensyen AKRAB dan Hari Psikologi Kementerian Kewangan 2013 pada 30/4/2013 telah berlangsung di Dewan Utama, Perbendaharaan Malaysia. Seramai 293 orang telah menyertai konvensyen tersebut yang terdiri daripada kalangan ahli AKRAB MOF iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta. Konvensyen tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Yang Berbahagia Tan Sri turut melancarkan Pelan Strategik AKRAB MOF Tahun 2013-2015.




Majlis Pelancaran Pelan Strategik Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) 2013

Majlis ini telah berlangsung pada 30/4/2013 di Dewan Utama, Perbadanan Malaysia serentak bersama Konvensyen AKRAB dan Hari Psikologi 2013. Seramai 293 orang telah menyertai majlis tersebut yang terdiri daripada kalangan ahli AKRAB MOF iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdulla telah melancarkan Pelan Strategik AKRAB Kementerian Kewangan Bagi Tahun 2013-2015.



PROSES KERJA (ii)		
PROSES KERJA SESI BIMBINGAN INDIVIDU/ KELLOMPOK BAGI RAKAN SEKERJA YANG DIRIJUK		
PUNCA KUASA	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
PP 1/2005	AKRAB	Mendapatkan maklumat kes dari/pada Ketua Jawatankuasa
PP 1/2009	AKRAB	Menetapkan temuan/jadi sesi bimbingan kelompok individu (melalui surat memo/ memo/ surat perintah/ surat perintah yang diberikan oleh ketua jawatankuasa PSM).
Gantik Panduan Program Pengajianan Kandit	AKRAB	Melaksanakan sesi bimbingan dan mengambil nota bimbingan dan laporan AKRAB serta sediakan laporan mengikut maklumat yang diberikan oleh ketua jawatankuasa.
Gantik Penduan Pelaksanaan Program Buddy System	AKRAB	Tentukan intervensi yang sesuai kepada rakan sekerja seperti buddy system, pelatihan dan memberi sokongan dalam program pembangunan atau teruskan sesi.
	AKRAB	Jika TIDAK PERLU tamatkan sesi bimbingan.
	AKRAB	Jika PERLU, teruskan sesi bimbingan.
	AKRAB	Menamakan sesi bimbingan sedekad terhadap rakan sekerja yang bersesuaikan.
	AKRAB	Jika PERLU, proses di atas berulang lagi sehingga proses mencapai telak dan borang biodata dilai sekali sahaja.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

Mesyuarat Post-Mortem Konvensyen AKRAB dan Hari Psikologi Kementerian Ke-wangan Tahun 2013

Mesyuarat ini telah berlangsung di Dewan Utama, Perbendaharaan Malaysia. Mesyuarat tersebut diadakan pada 22 Mei 2013 yang lepas. Seramai 17 orang yang telah menghadirkan diri ke mesyuarat tersebut.

Program Pengukuhan AKRAB Bil 1/2013

Program ini telah berlangsung di Merdeka Palace Hotel & Suites Kuching pada 24 Jun hingga 26 Jun 2013 yang lepas. Seramai 39 orang ahli AKRAB MOF telah menghadirkan diri ke program tersebut.



Mesyuarat Penyelarasan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Kementerian Kewangan Bil 2/2013

Mesyuarat ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Tribunal Rayuan Kastam, Aras 4, Perbendaharaan 2. Mesyuarat tersebut berlangsung pada 15 Julai 2013 yang lepas. Seramai 26 orang yang telah menghadirkan diri ke mesyuarat tersebut.



Mesyuarat Penyelarasan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Perbendaharaan Bil 2/2013

Mesyuarat ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Tribunal Rayuan Kastam, Aras 4, Perbendaharaan 2. Mesyuarat tersebut telah berlangsung pada 19 Julai 2013 yang lepas. Seramai 14 orang yang telah menghadirkan diri ke mesyuarat tersebut.

Mesyuarat Ahli Sidang Redaksi Buletin AKRAB Bil 1/2013

Mesyuarat ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat UPP, Aras 3, Perbendaharaan 2. Mesyuarat tersebut adalah pada 30 Julai 2013 yang lepas. Seramai 13 orang yang telah menghadirkan diri ke mesyuarat tersebut.

Program Santai Ramah Mesra Aidilfitri AKRAB Perbendaharaan

Pada 23 Ogos 2013 yang lalu, program jamuan hari raya telah diadakan di Dewan Makan Galeria Perbendaharaan Malaysia, Putrajaya. Seramai 51 orang telah menghadirkan diri ke majlis ini.



BERKHIDMAT MEMBIMBING



BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN KERJA RAYA

BULAN	PELAPORAN
APRIL	Pada 11/4/2013 (Khamis) telah berlangsung <u>Program Outreach AKRAB JKR & KKR</u> di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid anjuran bersama AKRAB KKR dan JKR. Penglibatan ahli AKRAB KKR dalam menjayakan program ini adalah seramai 10 orang. Pendekatan dan pengisian utama bagi program tersebut ialah kaedah penggunaan Numerologi kepada kakitangan JKR dan warga KKR amnya. Selain itu, permainan teka-teki dan sesi luahan hati “Your Expression” turut mendapat sambutan dari para peserta.
JUN	Pada 5/6/2013 (Rabu) AKRAB KKR telah mengadakan <u>Mesyuarat AKRAB</u> yang dihadiri oleh ahli jawatankuasa dan Pegawai Psikologi KKR bertempat di Kamar Syura KKR. Pengisian mesyuarat adalah bagi membincangkan penambahan atau penundaan program AKRAB bagi tahun 2013.
JULAI	Pada 10- 12/7/2013 (Rabu- Jumaat) telah berlangsung <u>Pra AKRAB Tahap 1</u> di Bilik Mawar 2 KKR. Peserta seramai 16 yang telah melepassi tahap saringan awal iaitu melalui penggunaan IPS yang ditadbir oleh Pegawai Psikologi KKR adalah dikehendaki untuk melengkapkan ketiga- tiga hari kursus ini bagi melayakkan mereka ke Pra AKRAB Tahap 2 kelak. Slot ceramah adalah selari dengan tajuk ceramah yang ditetapkan oleh pihak JPA. Penceramah yang dijemput juga adalah penceramah yang dilantik oleh pihak JPA sendiri.
	Pada 24/7/2013 (Rabu) telah berlangsung <u>Peperiksaan Pentaulihan AKRAB</u> kepada 3 orang pegawai di Bilik Rakan Pembimbing (AKRAB) Unit Psikologi & Kaunseling KKR. Peperiksaan tersebut telah ditadbir oleh Cik Nor Azizi Bt Mansor, Pegawai Psikologi JPA dan dibantu oleh Pegawai Psikologi KKR. Ketiga- tiga pegawai telah lulus sebagai ahli AKRAB dan akan ditauliahkan pada November ini.

BERKHIDMAT MEMBIMBING

SEPTEMBER	<p>Pada 4/9/2013 (Rabu) telah berlangsung <u>Program AKRAB In-House Training Siri 2/2013</u> bertempat di Bilik Mawar 2 KKR dengan jumlah peserta seramai 30 orang. Pada sebelah pagi, ceramah disampaikan oleh Pn. Nurrul Azwa Bt Mohd Kassim, Pegawai Psikologi IPD Sentul bertajuk “Pengenalan Grafologi –Makna Disebalik Tulisan dan Tandatangan” telah menarik minat para peserta untuk mengenali kepentingan dan kegunaannya. Pada sebelah petang, perbincangan secara berkumpulan diantara peserta dan Pegawai Psikologi KKR telah dibuat berkaitan perancangan program AKRAB bagi tahun 2014 dalam misi untuk mempertingkat dan memperkasakan fungsi dan peranan AKRAB KKR.</p>
	<p>Pada 5-7/9/2013 (Khamis- Sabtu) telah berlangsung <u>Program Pemantapan AKRAB KKR</u> bertempat di Port Dickson Golf & Country Club Negeri Sembilan. Pengisian utama program adalah menjurus kepada tanggungjawab dan peranan sebagai fasilitator. Seramai 30 orang peserta telah menghadiri program ini. Penyampaian oleh pihak konsultant Twins One Global dibahagikan kepada tiga kaedah iaitu melalui ceramah, stimulasi, LDK dan penulisan jurnal bagi setiap slot. Ini bagi memastikan pemahaman para peserta dalam setiap slot adalah pada tahap yang baik. Di antara tajuk slot yang disampaikan ialah <i>checklist</i> fasilitator sebelum semasa dan selepas program, imej dan penampilan seorang fasilitator, penggunaan kaedah <i>critical thinking</i> dan mengenali perbezaan diantara individu.</p>
	<p>Pada 10- 12/9/2013 (Selasa- Khamis) telah berlangsung <u>Program Pra AKRAB Tahap 2</u> di Bilik Mawar 2 KKR. Kesinambungan dari Pra AKRAB Tahap 1 iaitu dihadiri oleh peserta seramai 11 orang. Slot ceramah yang disampaikan adalah selari dengan tajuk ceramah yang telah ditetapkan oleh pihak JPA dan penceramahnya adalah yang dilantik oleh pihak JPA.</p>

GAMBAR:-PROGRAM OUTREACH AKRAB KKR & JKR



PROGRAM AKRAB IN-HOUSE TRAINING





PROGRAM PEMANTAPAN AKRAB KKR 2013





PROGRAM PRA AKRAB TAHAP 2

BERKHIDMAT MEMBIMBING



BERKHIDMAT MEMBIMBING

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Program Kenali Unit Pengurusan Psikologi dan AKRAB

Tempat : PERKESO Melaka

Tarikh : 19 Februari 2013

Objektif : *Road Show* untuk mempromosikan AKRAB Kementerian dan Unit Pengurusan Psikologi bagi setiap Negeri.



Program Kenali Unit Pengurusan Psikologi dan AKRAB

Tempat : PERKESO Johor

Tarikh : 20 Februari 2013

Objektif : *Road Show* untuk mempromosikan AKRAB Kementerian dan Unit Pengurusan Psikologi bagi setiap Negeri



BERKHIDMAT MEMBIMBING

Program Kenali Unit Pengurusan Psikologi dan AKRAB

Tempat: PERKESO Pahang

Tarikh : 26 Februari 2013

Objektif : *Road Show* untuk mempromosikan AKRAB Kementerian dan Unit Pengurusan Psikologi bagi setiap Negeri.

Program Kenali Unit Pengurusan Psikologi dan AKRAB

Tempat: PERKESO Terengganu

Tarikh : 10 Jun 2013

Objektif : *Road Show* untuk mempromosikan AKRAB Kementerian dan Unit Pengurusan Psikologi bagi setiap Negeri.



Program Kenali Unit Pengurusan Psikologi dan AKRAB

Tempat: PERKESO Kelantan

Tarikh : 5 Jun 2013

Objektif : *Road Show* untuk mempromosikan AKRAB Kementerian dan Unit Pengurusan Psikologi bagi setiap Negeri.

Program Kenali Unit Pengurusan Psikologi dan AKRAB

Tempat: PERKESO Perak

Tarikh : 19 Mac 2013

Objektif : *Road Show* untuk mempromosikan AKRAB Kementerian dan Unit Pengurusan Psikologi bagi setiap Negeri.



Program Pasca AKRAB siri 1/2013 (TeamBuilding)

Tempat: D'Ambang Resort, Pekan Pahang

Tarikh : 13 hingga 15 Mac 2013

Peserta : 30 orang

Objektif : Memperkuatkan kejelekitan dikalangan AKRAB KSM yang terdiri daripada pegawai di Semenanjung, Sarawak dan Sabah.



Program Pasca AKRAB siri 2/2013

Tempat : Mega Hotel Miri, Sarawak

Tarikh : 3-5 April 2013

Peserta : 30 orang



Program Pasca AKRAB siri 3 /2013

Tempat : Beringgis Beach Resort, Papar, Sabah

Tarikh : 21-23 Mei 2013

Peserta : 30 Orang



BERKHIDMAT MEMBIMBING

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR

PROGRAM PENGUKUHAN / PASCA AKRAB (KEM KAUNSELING) BAGI TAHUN 2013, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Ianya diadakan pada 20 hingga 22 Mac 2013 di Lotus Desaru Beach Resort, Kota Tinggi, Johor. Program ini bertujuan untuk melahirkan ahli AKRAB yang bukan sahaja berketerampilan dan berkaliber dalam menjalankan tugas sebagai penjawat awam negeri Johor bahkan mampu menjadi pembimbing kepada rakan sekerja yang lain dengan memantapkan lagi kemahiran asas kaunseling dan menggunakan pendekatan psikologi dalam pelbagai aspek samaada kerjaya, kerohanian dan kekeluargaan.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 1 BAGI TAHUN 2013, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR


Ianya diadakan 19 hingga 19 April 2013 di Pulai Springs Resort, Pulai Johor. Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai dari kumpulan pengurusan dan professional dan kumpulan sokongan mengenai pengetahuan asas kaunseling dalam perkhidmatan awam.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

PROGRAM MEMPERKASA JATI DIRI RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Proram ini diadakan pada 18 Mei 2013 di Rumah anak yatim Al-Rayyan, Taman Sri Amar, Johor Bahru. Objektif program ini adalah untuk menjadi wadah bagi perkongsian ilmu dan penerapan pembelajaran berterusan di antara Pegawai Psikologi, penjawat awam dan masyarakat ke arah pembangunan modal insan yang harmoni dan berkualiti. Selain itu, ianya bertujuan untuk mewujudkan sekumpulan penjawat awam yang terdiri dari pegawai Psikologi dan ahli pembimbing rakan sekerja (AKRAB) yang dapat membantu menyebarkan dan menjalankan fungsi-fungsi perkhidmatan psikologi dan kaunseling bukan sahaja di organisasi malahan member impak kepada masyarakat dan komuniti.



BERKHIDMAT MEMBIMBING

4. PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KAUNSELING TAHAP 2 BAGI TAHUN 2013, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Program ini telah diadakan pada 4 hingga 7 Jun 2013, di Eagle Bay Hotel, Langkawi, Kedah dan ianya diadakan sebagai kesinambungan Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Asas dan Pertengahan. Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai mengenai pengetahuan asas dan model dalam kaunseling dan pengendalian pegawai bermasalah dengan lebih baik.



5. SEMINAR KAUNSELING NEGERI JOHOR TAHUN 2013, ANJURAN BERSAMA SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR DAN YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA DARUL TAKZIM

Program ini berlangsung pada 10 September 2013 di Pusat Islam Iskandar Johor. Ianya bertujuan untuk member pendedahan yang bermanfaat mengenai peranan kaunseling dalam membantu perkembangan individu kearah kesejahteraan psikologi dan merangsang pemikiran peserta untuk berfikir langkah-langkah untuk menangani permasalahan semasa menggunakan pendekatan psikologi. Seminar Kaunseling ini melibatkan ahli AKRAB sebagai urusetia dan juga peserta program.



BERKHIDMAT MEMBIMBING



BERKHIDMAT MEMBIMBING

RISDA

PROGRAM KURSUS / LATIHAN

Bagi tahun 2013, unit ini telah menyediakan program berupa kursus/latihan yang melibatkan AKRAB baru dan juga untuk AKRAB sedia ada. Maklumat program adalah seperti dibawah.

2.1 Kursus PPKK Tahap 1

Telah diadakan pada 25 – 28 Februari 2013. Seramai 19 orang hadir di kursus ini. Tahap 2 akan diadakan pada

20 – 23 Mei di RISTEC. Kursus ini adalah untuk pentauliahan AKRAB baru oleh JPA.



2.2 Kursus PPKK Tahap 2

Telah diadakan pada 13 – 16 Mei 2013. Seramai 17 orang staf hadir dan telah berjaya dalam ujian akhir sebelum ditauliahkan sebagai AKRAB pada bulan November 2013 nanti.

2.3 Kursus Refresher untuk AKRAB

Telah diadakan pada 11 – 14 Mac 2013 di RISTEC. Seramai 28 orang AKRAB menghadiri kursus ini. Bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman dan siap sedia AKRAB untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling dengan lebih berkesan lagi.

2.4 Konvensyen AKRAB RISDA

Cadangan untuk program ini ditangguhkan ke satu tarikh yang lain.

2.5 Retreat AKRAB

Dicadangkan pada bulan Disember 2013 bagi membincangkan program dan pencapaian AKRAB serta perjumpaan AKRAB untuk bertukar fikiran dan pandangan dalam memajukan perkhidmatan kaunseling di RISDA.

2.6 Klinik Kaunseling

Ini merupakan program yang dikendalikan sepenuhnya oleh KKLW melalui pendekatan turun padang atau *outreach* KKLW untuk menyemai semangat perpaduan di kalangan warga Jabatan dan Agensi di KKLW.

Telah diadakan di RISDA Zon Utara pada 7 Mac 2013 di PRN Kedah. Seramai 90 orang staf RISDA Zon Utara telah menghadiri klinik ini.







BERKHIDMAT MEMBIMBING



BERKHIDMAT MEMBIMBING